

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)



MESYUARAT KEDUA

PENGGAL KEEMPAT

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2021

SHAH ALAM, 26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Mesyuarat dimulakan pada jam 3.00 Petang

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Datuk Rizam bin Ismail, P.M.W. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, D.M.S.M., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari,
P.S.D., S.M.S., J.P. (Selat Klang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

TIDAK HADIR (Dengan Maaf)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

**Y.B. Dato' Haji Haris Bin Kasim, D.P.M.S., S.I.S., A.S.A, P.P.T.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Salim Bin Soib @ Hamid, D.S.D.K., P.K.T.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Mohammad Redzuan bin Adam
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman
Bentara

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi
Puan Nurul Liana binti Musa
Pelapor Perbincangan

(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT)

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat petang dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Keempat Belas pada 26 November 2021 dimulakan dengan:

- (i) Bacaan Doa
- (ii) Proklamasi

PENOLONG SETIAUSAHA : *Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah Robbil 'Alamiin. Wassolatuwasalamu 'Aala Rasulil 'Aamin Sayidina Muhammadin Waala 'Alihi Wasahbihi Ajma'in.* Ya Allah Ya Tuhan Kami, Sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang memiliki segala kebesaran dan kekuasaan. Kami bersyukur ke hadrat Mu kerana melimpahkan kami dengan nikmat dan rahmat juga mengurniakan kami bumi yang subur dan maju Negeri Selangor Darul Ehsan. Dengan rahmat Mu jua pelbagai rancangan pembangunan telah dinikmati oleh rakyat, pelbagai keturunan dan bangsa yang taat kepada Raja dan Kerajaan Negeri ini. Ya Allah kami memohon kehadiran Mu agar memberikan kami sebaik-baik petunjuk dan bimbingan untuk memuliakan kami khususnya Ahli Dewan Negeri meneruskan khidmat menimbang dan memutuskan segala perkara yang dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya segala rancangan pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan berjalan lancar, tepat dan berkesan. Kepada Mu jua Ya Allah kami berserah. *Wassalahu Aala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wassohbihi Ajma'in Walhamdulillah Rabbil 'Alamiin.*

PENOLONG SETIAUSAHA : Proklamasi Oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Darjah Kerabat (Selangor), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Kerabat (Terengganu), Darjah Kerabat (Kelantan), Darjah Kerabat (Perak), Darjah Kerabat (Perlis), Darjah Kerabat (Negeri Sembilan), Darjah Kerabat (Kedah), Darjah Kerabat (Johor), Darjah Kerabat (Pahang), Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.), Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.), Seri Paduka Mahkota Johor

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

(S.P.M.J.), Sultan Dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan Serta Segala Daerah Takluknya.

Bahawasanya Fasal (1) Perkara (70) Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam Warta memanggil Dewan Negeri :

Maka Oleh Yang Demikian, Beta, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Darjah Kerabat (Selangor), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Kerabat (Terengganu), Darjah Kerabat (Kelantan), Darjah Kerabat (Perak), Darjah Kerabat (Perlis), Darjah Kerabat (Negeri Sembilan), Darjah Kerabat (Kedah), Darjah Kerabat (Johor), Darjah Kerabat (Pahang), Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.), Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.), Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), Sultan Dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan Serta Segala Daerah Takluknya, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Beta di bawah perkara (70) Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, Dengan Ini Memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 26 November 2021, 29 November 2021 hingga 30 November 2021, 1 Disember 2021 hingga 3 Disember 2021 dan 6 Disember 2021 hingga 9 Disember 2021 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Keempat Belas, yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

Diperbuat Di Istana Alam Shah, Klang Pada 12 hari bulan Oktober 2021.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : Salam Sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu lagi dalam Mesyuarat Kedua Dewan yang mulia ini bagi Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Sebelum saya meneruskan aturan urusan mesyuarat pada petang ini sukacita saya ingin memaklumkan bahawa semua Ahli Dewan Negeri, pegawai dan petugas yang hadir ke persidangan Dewan Negeri diwajibkan melakukan ujian sendiri COVID 19 pada setiap hari Isnin dan Khamis sebelum hadir ke persidangan.

Saya juga berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat mematuhi SOP yang telah ditetapkan iaitu 3W (*Wash, Wear dan Warn*) dan elakkan 3S (tempat yang **Sesak** - kawasan yang **Sempit** - **Sembang** dekat-dekat). Di samping itu, saya menyeru semua untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Dewan Negeri Selangor bagi menjaga keselamatan semua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan 13(1) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, bacaan Rang Undang-Undang Perbekalan 2022 akan dibacakan selepas sesi Pertanyaan-pertanyaan. Namun begitu, pada hari ini, Rang Undang-undang Perbekalan 2022 akan dibacakan terlebih dahulu. Perkara ini telah dimohon oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan saya mengizinkan. Tanpa melengahkan masa, sekarang saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada petang ini. Silakan.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya.
Membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat:-

- 1) Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2021
 - Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2022

- 2) Kertas Mesyuarat Bilangan 17 Tahun 2021
 - Rang Undang-Undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2021

- 3) Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2021
 - Rang Undang-Undang Enakmen Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 2021

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

- 4) Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2021
 - Rang Undang-Undang Enakmen Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2021

- 5) Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2021
 - Rang Undang-Undang Enakmen Majlis Perbandaran Hulu Selangor 2021

- 6) Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2021
 - Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

- 7) Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2021
 - Anggaran Belanjawan Negeri Selangor 2022 & Senarai Perjawatan Negeri Selangor 2022

- 8) Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2021
 - Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2020

- 9) Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2021
 - Laporan Tahunan 2020 Tabung Amanah Bencana Alam

- 10) Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2021
 - Laporan Tahunan 2020 Tabung Warisan Negeri Selangor

- 11) Kertas Mesyuarat Bilangan 26 Tahun 2021
 - Laporan Tahunan 2020 Tabung Amanah Warisan Anak Selangor

- 12) Kertas Mesyuarat Bilangan 27 Tahun 2021
 - Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

- 13) Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2021
- Anggaran Perbelanjaan Perbekalan 2022 Dan Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan 2022 Kerajaan Negeri Selangor
- 14) Kertas Mesyuarat Bilangan 29 Tahun 2021
- Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2019 Siri 2
- 15) Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2021
- Sijil Ketua Audit Negara Dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 Dua Belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor
 - 1) Majlis Bandaraya Shah Alam
 - 2) Majlis Bandaraya Petaling Jaya
 - 3) Majlis Bandaraya Subang Jaya
 - 4) Majlis Perbandaran Klang
 - 5) Majlis Perbandaran Ampang Jaya
 - 6) Majlis Perbandaran Selayang
 - 7) Majlis Perbandaran Kajang
 - 8) Majlis Perbandaran Sepang
 - 9) Majlis Perbandaran Kuala Langat
 - 10) Majlis Perbandaran Kuala Selangor
 - 11) Majlis Perbandaran Hulu Selangor
 - 12) Majlis Daerah Sabak Bernam
- 16) Kertas Mesyuarat Bilangan 31 Tahun 2021
- Dasar Belia Negeri Selangor 2020

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

- 17) Kertas Mesyuarat Bilangan 32 Tahun 2021
 - Laporan Tahunan 2019 Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

- 18) Kertas Mesyuarat Bilangan 33 Tahun 2021
 - Cadangan Pindaan Kepada Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor

- 19) Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2021
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee On Water Resource Management Of The State Of Selangor* (JPK-SAS) Berhubung Projek Bagi Menghubungkan Horas 600 Ke Loji Rawatan Air (LRA) SSP 1, 2, 3 & Rantau Panjang dan Off River Storage ke LRA Semenyih

- 20) Kertas Mesyuarat Bilangan 35 Tahun 2021
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee On Water Resource Management Of The State Of Selangor* (JPK-SAS) Berhubung Pewartaan Sumber Dan Infrastruktur Air Sebagai Tempat Larangan / Kawasan Larangan / Sasaran Penting Di Negeri Selangor

- 21) Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2021
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Permohonan Untuk Pengeluaran Hak Milik Strata Bagi Bangunan Hotel / Hotel Suite

- 22) Kertas Mesyuarat Bilangan 37 Tahun 2021
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Fungsi Dan Peranan Pejabat Daerah Dan Agensi Lain Berkaitan Dengan Pengurusan Dan Pewartaan Kampung Serta Penggubalan Sebuah Enakmen Khas Untuk Tujuan Ini

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

- 23) Kertas Mesyuarat Bilangan 38 Tahun 2021
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Prestasi Kaunter Urus Niaga Di Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS)
- 24) Kertas Mesyuarat Bilangan 39 Tahun 2021
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Kategori Miskin Dan Pemberian Bantuan Untuk Golongan Miskin Di Negeri Selangor
- 25) Kertas Mesyuarat Bilangan 40 Tahun 2021
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Gerak Kerja Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan Bagi Dewan Negeri Selangor.
- 26) Kertas Mesyuarat Bilangan 41 Tahun 2021
- Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (*Public Account Committee* - PAC) Berkaitan Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd.
- 27) Kertas Mesyuarat Bilangan 42 Tahun 2021
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) Selepas Penamatan Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (PPSPKTK) Di Negeri Selangor
- 28) Kertas Mesyuarat Bilangan 43 Tahun 2021
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Status Pembinaan Projek Taman Putra Perdana Oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Rang Undang-undang Perbekalan 2022 (Semua Peringkat).

Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2022 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53, bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk pengeluaran sejumlah wang tidak melebihi **Dua Bilion, Dua Ratus Tujuh Puluh Tujuh Juta, Tujuh Ratus Tiga Puluh Lima Ribu, Lima Ratus Tiga Puluh Enam (RM2,277,735,536.00)** daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2022 adalah dengan ini dibenarkan dan jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, di saat saya membentangkan Belanjawan Negeri Selangor di dewan yang mulia ini pada tahun lalu, seluruh dunia masih dalam keadaan kegelisahan disebabkan pandemik COVID-19 yang seakan-akan tidak mempunyai jalan akhirnya. Pada ketika itu, kita tidak membayangkan bahawa vaksin COVID-19 dapat dihasilkan dan diberikan kepada sebahagian besar masyarakat di dunia, negara dan juga negeri Selangor sebelum akhir tahun ini.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Alhamdulillah dengan kedayatahan dan kecekalan rakyat, kita dapat mencapai matlamat memberi vaksin kepada seramai mungkin warga negeri Selangor dalam masa yang singkat

Namun begitu, kita tidak harus leka. Kini kita dapat lihat bahawa pandemik COVID-19 tidak mampu dilenyapkan begitu sahaja dan kita dalam proses beralih ke fasa endemik seperti yang saya tekankan di dewan ini pada bulan Ogos tahun ini.

Endemik ini bermaksud seluruh masyarakat harus melakukan perubahan kepada cara hidup kita bukan hanya untuk waktu yang singkat tetapi dalam jangka masa panjang ataupun long haul.

Pada tahun lalu dan tahun ini, rakyat di Selangor hidup hampir keseluruhannya di rumah kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Kehidupan ketika PKP ini banyak menguji dan mengajar serta mengasah kita. Semua aspek kehidupan kita diuji dan diasah. Dari segi kesabaran, ketabahan, ketahanan.

Walaupun ujian-ujian ini amat mencabar kedayatahan kita, seperti api yang membakar, ia juga menerangi dan memberi pengajaran kepada kita. Begitu juga dengan negeri Selangor. Simpang-siur pandemik banyak memberi tekanan kepada ketahanan Kerajaan Negeri dan mendesak kita mara ke hadapan dan mencari solusi kepada permasalahan yang timbul disebabkan pandemik.

Situasi pada ketika itu mengingatkan saya kepada karya seni yang terkenal iaitu ***Under The Wave off Kanagawa*** oleh artis terkenal Jepun, Katsushika Hokusai atau lebih dikenali sebagai Hokusai. *Kanagawa oki nami ura* yang diterbitkan pada tahun 1831 kemudiannya menjadi antara karya seni Jepun yang paling ikonik dan mengilhami pelbagai tafsiran berdasarkan siluet yang dihasilkan oleh Hokusai.

Edmond de Goncourt, seorang pengkritik seni di Perancis pernah berkata, dengan izin ***“The drawing of the wave is a deification of the sea made by a painter who lived with the religious terror of the overwhelming ocean completely surrounding his country; He is impressed by the sudden fury of the ocean's leap toward the sky,***

by the deep blue of the inner side of the curve, by the splash of its claw-like crest as it sprays forth droplets”.

Komentar lain pula menyimpulkan bahawa Hokusai ingin memberi gambaran walaupun Jepun yang seringkali terdedah kepada tsunami, kecekalan rakyat dan ekonominya sekuat Gunung Fuji yang merupakan kebanggaan rakyat Jepun. Karya Hokusai ini juga menggambarkan peralihan dari era zaman Tokugawa di Jepun serta permulaan Kebangkitan Meiji selepas Tokugawa dijatuhkan oleh puak Choshu dan Satsuma.

Kebangkitan ini berjaya memodenkan Jepun dengan beberapa perubahan dan reformasi struktural sekaligus memposisikan negara yang dilihat sebagai kecil dari segi saiznya kepada sebuah kuasa besar dunia.

Perubahan-perubahan dinamik seperti sistem kerajaan berdemokratik, sistem pendidikan yang mengangkat martabat rakyat, serta sebuah ekonomi dengan industrinya yang berkembang pesat merupakan batu-batu asas yang memberikan talian hayat kepada Jepun bangkit kembali selepas tarikh 2 September 1945 apabila Mamoru Shigemitsu, Menteri Luar Jepun, dan Jeneral Yoshiji Umezumi menandatangani *Instrument of Surrender* di atas USS Missouri yang di berlabuh di Tokyo Bay yang mengakhiri Perang Dunia Kedua.

28 tahun kemudian, kereta pertama jenama Honda Civic dijual di Amerika Syarikat. Pada tahun 1978, Jepun menjadi ekonomi kedua terbesar di dunia dan pada tahun 1980, 30% kereta di Amerika Syarikat berasal dari Jepun. Dalam pada itu, seperti yang saya katakan sebentar tadi, Selangor dikritik apabila kita mula melancarkan beberapa inisiatif- inisiatif tambahan ketika pandemik COVID-19 baru bermula.

Hari demi hari, setiap tindak tanduk negeri Selangor disoal, ditekan dan dipertikai. MKita melancarkan sistem pengesanan kontak ataupun *contact tracing* pertama di negara melalui SELangkah. Disusuli pula dengan usaha digitalisasi seperti E-kitchen sewaktu bazar Ramadhan tahun 2020 dan 2021 serta E-Bazar Raya dengan kerjasama pihak swasta.

Kerajaan Negeri juga melancarkan lima (5) Pakej Rangsangan Ekonomi, iaitu tiga(3) Pakej Selangor Prihatin pada tahun 2020 dengan implikasi kewangan sebanyak RM415

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

juta dan dua (2) Pakej Kita Selangor pada tahun 2021 dengan implikasi kewangan sebanyak RM627 juta selain daripada Belanjawan 2021, yang mana kesemua 5 pakej ini berjumlah melebihi RM1 bilion yang diberikan secara terus melalui pelbagai program kepada setiap lapisan masyarakat di negeri Selangor.

Kita tidak berhenti setakat di situ sahaja. Kerajaan Negeri juga tampil ke hadapan melaksanakan lebih 177,000 saringan COVID-19 dengan prinsip FTTIS yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), iaitu (**Find, Test, Trace, Isolate, Support**) yang dilaksanakan di setiap 56 kawasan DUN di Selangor.

Malah, ketika muncul pandangan-pandangan skeptikal yang mempersoalkan keputusan Kerajaan Negeri untuk memperoleh vaksin sendiri dan memberikannya kepada rakyat, Selangor terus istiqamah dan berjaya melaksanakan SelVAX yang kemudiannya menjadi inspirasi kepada beberapa usaha lain di luar Selangor.

Namun dengan kefahaman dan keterbukaan serta kerjasama Kerajaan Persekutuan terutamanya dalam soal mempercepatkan pemberian bekalan vaksin secara saksama, program-program negeri Selangor dilaksanakan secara kemas dan lancar.

Hari ini, Tuan Speaker, saya bersyukur bahawa dengan semangat Kita Selangor, usaha-usaha kita termasuk dengan kerjasama Ahli-ahli Dewan Negeri disenangi dan dihargai oleh seluruh rakyat.

Kesemua usaha dan cabaran ini membuktikan bahawa walaupun terus ditekan dari pelbagai aspek, negeri Selangor tahan uji disebabkan pelbagai inisiatif dan usaha perubahan yang dimulakan sejak tahun 2008 lagi.

Waima demikian, tahan uji tidak bermaksud Selangor kebal. Sudah pasti kita mengalami kesusahan dan kecederaan akibat perang melawan penularan wabak COVID-19.

Namun, saya berani untuk nyatakan di sini bahawa kita masih utuh dan mampu bangkit kembali. Tahan uji membolehkan Selangor menterjemahkan keupayaan negeri ini untuk bertindak secara tangkas dan pantas apabila berhadapan dengan situasi yang mendesak.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Kita harus akui terdapat beberapa perubahan yang terpaksa dilakukan, beberapa tanggungjawab baharu dipikul yang membina karakter pentadbiran ini dan seluruh rakyat negeri ini. Ini merupakan asas untuk negeri Selangor bangkit kembali dan mengukuhkan sebuah pentadbiran yang mampu menghadapi pelbagai bentuk rintangan dan juga cabaran.

Tuan Speaker, Perdebatan hangat sedang berlaku di antara pemikir-pemikir dan tokoh-tokoh dunia tentang kaedah dan cara untuk membina semula ekonomi dunia dan negara masing-masing ekoran krisis yang terhasil akibat pandemik.

Untuk memastikan kita tidak mengulangi kesilapan sejarah, wajar kita meneliti kata-kata Winston Churchill yang berbunyi, ***“Study history, study history. The longer you can look back, the farther you can look forward. In history lies all the secrets of statecraft”***.

Dan aspek tahan uji yang saya rujuk sebentar tadi ini amat penting untuk mengelakkan daripada *societal collapse* yang diajukan dan dikaji oleh Joseph Tainter dalam judulnya ***‘The Collapse of Complex Societies.’*** Kajian Tainter mendapati bahawa keruntuhan masyarakat disebabkan oleh kegagalan ekonomi dan elemen-elemen pencerobohan luar, kesihatan awam, ataupun bencana alam hanyalah tanda dan bukti bahawa sesuatu masyarakat itu akan runtuh.

Tuan Speaker, Sejarah menunjukkan bahawa kuasa-kuasa dunia akan mengalami pasang dan surut dan agak sukar untuk mana-mana kuasa besar kekal mendominasi ekonomi dunia mahupun geopolitik. Jika abad ke-19 dilihat sebagai *The British Imperial Century* dan abad ke-20 sebagai zaman yang diterajui Amerika Syarikat terutamanya selepas Perang Dunia Kedua, kini abad ke-21 dikatakan sebagai *‘The Asian Century’*. Negara China sebagai ekonomi terbesar dunia dilihat sebagai satu keniscayaan. Ditambah pula dengan negara India yang dijangka akan menjadi negara yang berpopulasi paling tinggi di dunia, saya percaya bahawa fenomena *‘The Asian Century’* itu bukan lagi hanya kata-kata.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Amatlah wajar untuk negeri Selangor sebagai gerbang ekonomi negara merebut peluang dan diposisikan sebagai antara negeri terunggul di rantau Asia Tenggara ataupun Asia.

Pada bulan lalu, satu laporan yang dikeluarkan oleh *G7 Panel on Economic Resilience* menggariskan syarat-syarat dan kaedah yang harus menjadi kepentingan bagi negara-negara maju dan negara-negara membangun. Panel tersebut yang dianggotai pakar-pakar ekonomi terkemuka, antaranya Mariana Mazzucato, Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri Itali, dan Nobukatsu Kanehara, bekas anggota Kabinet di bawah pentadbiran Shinzo Abe, Perdana Menteri Jepun, menggesa bahawa penggubal-penggubal dasar harus meninggalkan preskripsi dan pemikiran Washington Consensus yang menekankan dengan izin, '*deregulation*' kepada Cornwall Consensus.

Dan Cornwall Consensus yang dipersetujui negara-negara G7 pada tahun ini sependapat bahawa setiap kerajaan harus memainkan peranan penting dalam menyediakan kerangka ekonomi, iaitu daripada '*market fixers to market shapers*'.

Tujuh (7) aspek penting menjadi tunjang ke arah membina ekonomi masa hadapan yang cekal, iaitu:

- i) kesihatan awam,
- ii) alam sekitar,
- iii) tadbir urus digitalisasi dan keselamatan siber,
- iv) sistem perdagangan antarabangsa yang saksama,
- v) peningkatan pelaburan,
- vi) hak pekerja
- vii) kepentingan jaringan rangkaian bekalan.

Isabelle Durant, Timbalan Setiausaha Agung United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) juga berkata, dengan izin, "*A successful post-pandemic world must be marked by greater resilience*".

Tinjauan ekonomi International Monetary Fund pada bulan Oktober 2021 menunjukkan bahawa ekonomi dunia tidak mampu pulih kepada situasi pra-pandemik jika tidak

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

mempunyai suntikan dana kerajaan. Dan sebagai persediaan bagi ekonomi pasca-COVID, peluang pekerjaan baharu harus diwujudkan, selain memberi fokus kepada teknologi hijau, digitalisasi, mengurangkan kesenjangan pendapatan ataupun '*inequality*' serta perbelanjaan kerajaan yang berhemah.

Setiap aspek ini mendesak sesebuah kerajaan untuk bertindak bukan untuk hari ini atau esok sahaja tetapi untuk jangka masa hadapan dengan perancangan yang rapi berlandaskan data serta fakta yang tepat.

Jika kita menggunakan pendekatan jangka pendek, kita akan mendedahkan masa hadapan keluarga dan anak-anak kita kepada risiko lemah daya tahan ekonomi.

Dan kita sedang melihat tanda-tanda itu pada hari ini. Misalnya, kita melihat kerentanan kewangan 48% daripada keseluruhan pencarum KWSP di bawah umur 55 tahun, tidak mempunyai wang yang cukup untuk menampung keperluan asas mereka selepas bersara. 3.6 juta pencarum pula mempunyai kurang daripada RM1,000 di dalam akaun KWSP masing-masing.

Tuan Speaker, Melatari kesemua aspek tersebut, Kerajaan Negeri Selangor menekankan aspek kecekalan rakyat di dalam belanjawan tahun lalu.

Kecekalan yang dipupuk dan difokuskan bermula di peringkat isi rumah dan kemudiannya kepada industri kecil dan sederhana. Ini kerana keluarga dan industri kecil dan sederhana merupakan nadi kepada enjin ekonomi negeri Selangor.

Dengan ketersediaan yang lebih awal, kini kita memasuki era kebertanggungjawaban baharu untuk mengukuhkan lagi Selangor sebagai negeri tahan uji yang memelihara serta melindungi rakyat serta kelangsungan ekonomi jika berhadapan dengan cabaran atau ancaman masa hadapan.

Ditambah pula dengan wujudnya lagi kes-kes COVID-19, maka kebertanggungjawaban baharu untuk terus menjaga kesihatan diri dan keluarga ini harus dipikul bersama-sama, dari peringkat individu, keluarga, syarikat sehinggalah ke pimpinan kerajaan.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Ketersediaan Selangor untuk terus melakukan perubahan tidak pernah luntur, terutamanya di dalam bab melaksanakan pelan pembangunan ekonomi yang inklusif di samping memastikan tiada sesiapa tertinggal.

Sehingga 22 November 2021, RM329 juta daripada RM627.4 juta yang disediakan di bawah Pakej Kita Selangor 1.0 dan 2.0 telah dibelanjakan yang memberi manfaat kepada 1.7 juta penerima manakala beberapa inisiatif sedang dalam pelaksanaan.

SENARIO EKONOMI GLOBAL

Pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2021 dianggarkan pada 5.9 peratus. Manakala menurut laporan World Economic Outlook pada bulan Oktober lalu oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pertumbuhan ekonomi dunia bagi tahun 2022 dianggarkan pada 4.9 peratus.

Penyusutan sebanyak 0.1 mata peratusan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh gangguan terhadap rantai bekalan global dan juga dinamik pandemik yang mungkin menjadi buruk kembali.

Walaupun prospek pemulihan ekonomi negara-negara maju dijangka lebih positif dengan kemampuan vaksinasi yang meluas dan juga penggunaan instrumen fiskal dan kewangan yang efektif namun terdapat kebimbangan terhadap peningkatan inflasi yang disebabkan oleh ketidakseimbangan penawaran--permintaan dan juga harga komoditi yang tinggi.

Isu peningkatan harga barang dan inflasi; kemunculan varian baru COVID-19 yang agresif; vaksinasi global yang perlahan dan gangguan rantai bekalan akan menjadi tema yang melatari wacana ekonomi dunia pada tahun hadapan.

SENARIO EKONOMI MALAYSIA

Tahun 2021 adalah tahun asas Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 dan juga Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Kemunculan pandemik ini telah merencatkan

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

aspirasi Malaysia untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan juga matlamat pembangunan yang dirancang sebelum ini.

Pandemik ini juga turut memberi kesan kepada kesejahteraan kehidupan sebahagian besar rakyat Malaysia. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pendapatan per kapita pada 2020 berkurang sebanyak 6.5% kepada RM43,475 berbanding RM46,450 pada 2019.

Pada masa yang sama, purata gaji dan upah berkurang sebanyak 9% daripada RM3,224 pada 2019 kepada RM2,933 pada 2020. Situasi ini menyebabkan 20% kumpulan isi rumah M40 yang mempunyai pendapatan antara RM4,850 ke RM10,959 menurun ke kategori B40, iaitu pendapatan isi rumah RM4,850 ke bawah.

Menurut Bank Negara Malaysia, kadar inflasi negara dijangka berada pada sekitar 2.0% sehingga 3.0%.

Ekonomi negara mula pulih dengan pembukaan semula sektor-sektor ekonomi terutamanya bagi industri pelancongan tempatan, pemulihan permintaan domestik serta penyambungan semula aktiviti pembinaan projek-projek infrastruktur besar.

Bank Negara Malaysia mensasarkan perkembangan ekonomi negara pada sekitar 3.0% sehingga 4.0% menjelang akhir tahun 2021.

SENARIO EKONOMI NEGERI SELANGOR

Dalam usaha untuk menuju ke arah Negeri Pintar 2025, Kerajaan Negeri telah menggembelng tenaga dengan memantapkan penyampaian perkhidmatan awam, meningkatkan mutu pemantauan kesihatan dan keselamatan awam serta menaiktaraf infrastruktur digital negeri.

Selangor kekal menerajui ekonomi Malaysia dengan sumbangan 24.3 peratus meskipun KDNK negeri ini mencatatkan penurunan nilai ditambah kepada RM326.8 bilion pada tahun 2020. Dari sudut pertumbuhan, meskipun KDNK negeri ini menyusut kepada -5.3

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

peratus (2019: 6.8%), pertumbuhan tersebut mengatasi prestasi di peringkat nasional (-5.6%).

PRESTASI KEWANGAN NEGERI SELANGOR

Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2020, jumlah wang awam Kerajaan Negeri di dalam Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada wang tunai dan pelaburan di dalam Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan ialah sebanyak Ringgit Malaysia Dua Bilion, Empat Ratus Empat Puluh Lima Juta, Satu Ratus Dua Puluh Tujuh Ribu, Satu Ratus Tujuh Puluh Sembilan dan Empat Puluh Lapan Sen (RM 2,445,127,179.48).

Manakala kedudukan kewangan negeri sehingga 23 November 2021 adalah lebih baik dengan kedudukan rizab semasa negeri sebanyak RM3.117 bilion yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM 938.36 juta dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM 2.179 bilion. Ini bermaksud Kerajaan Negeri berjaya meningkatkan rizab dari RM2.1 bilion pada tahun 2019. Sehingga 23 November 2021 prestasi kewangan adalah seperti berikut: Perbelanjaan Mengurus mencapai 81.91 peratus perbelanjaan atau RM 999.32 juta manakala perbelanjaan Pembangunan telah mencecah 59.49 peratus perbelanjaan atau RM 656.23 juta disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan juga tatacara kendalian piawai (SOP) yang membataskan pelaksanaan program dan projek-projek yang dirancang.

Kedudukan Hasil Negeri

Kutipan sebenar hasil negeri bagi tahun 2020 adalah sebanyak Ringgit Malaysia Dua Bilion, Dua Ratus Lima Puluh Tujuh Juta, Enam Ratus Lima Puluh Tiga Ribu, Lima Ratus Empat Puluh Tujuh dan Lima Puluh Sen (RM 2,257,653,547.50).

Jumlah hasil yang dicatatkan ini melebihi sebanyak 2.57% daripada anggaran yang telah ditetapkan walaupun di dalam keadaan ekonomi yang perlahan di tengah badai pandemik pada tahun tersebut.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Daripada jumlah berkenaan, Hasil Cukai mencatatkan kutipan sebanyak RM 619.31 juta, Hasil Bukan Cukai mencatatkan RM 1,360.49 juta dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM 277.85 juta. Manakala bagi tahun ini sehingga 26 November 2021, kutipan hasil merekodkan jumlah sebanyak RM 2.1 bilion bersamaan dengan 95.47 peratus daripada anggaran hasil tahun 2021 sebanyak RM 2.2 bilion.

Hasil Cukai mencatatkan kutipan sebanyak RM 605.57 juta (90.57 peratus), Hasil Bukan Cukai mencatatkan RM 1,275.86 juta (97.34 peratus) dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM 218.84 juta (99.23 peratus) daripada anggaran.

Ini pencapaian yang memberangsangkan kerana kita dapat mencapai sasaran yang ditetapkan walau dalam tempoh pandemik yang sangat mencabar ini.

Dengan beberapa tindakan yang telah dirancang dan dilaksanakan kita yakin dapat mencapai sekitar 96% daripada anggaran awal pendapatan tahun 2021.

Alhamdulillah, walaupun pandemik memberi kesan terhadap jadual kutipan yang dianggarkan, namun saya boleh katakan bahawa dengan beberapa inisiatif tambahan kita yakin dapat mencapai sasaran tersebut pada tahun ini.

BELANJAWAN 2022

Anggaran Perbelanjaan

Mendepani cabaran ekonomi semasa, Kerajaan Negeri masih mengekalkan momentum kedudukan kewangan Negeri yang kukuh dan terus berdaya tahan dilengkapkan oleh analisa-analisa serta perkiraan menyeluruh yang semestinya mengambil kira kebaikan serta manfaat kepada tiga perkara utama iaitu, Rakyat, Komuniti Perniagaan dan Pembangunan Ekonomi Negeri.

Justeru, Kerajaan Negeri mencadangkan anggaran perbelanjaan berjumlah Ringgit Malaysia Dua Bilion, Tiga Ratus Empat Puluh Tiga Juta (RM 2,343,000,000.00) bagi Belanjawan Negeri Selangor 2022.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Daripada jumlah tersebut, sebanyak Ringgit Malaysia Satu Bilion, Dua Ratus Dua Puluh Juta (RM1,220,000,000.00) atau 52 peratus diperuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus dan Ringgit Malaysia Satu Bilion, Satu Ratus Dua Puluh Tiga Juta (RM1,123,000,000) atau 48 peratus untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri menganggarkan hasil yang boleh dikutip berjumlah Ringgit Malaysia Dua Bilion, Lima Puluh Juta (RM2,050,000,000). Antara penyumbang utama kepada hasil negeri tahun 2022 adalah Premium Tanah iaitu sebanyak RM 906.33 juta bersamaan 44.21 peratus daripada anggaran hasil keseluruhan.

Penyumbang kedua terbesar adalah hasil Cukai Tanah iaitu sebanyak RM 549.30 juta bersamaan 26.79 peratus. Manakala penyumbang ketiga terbesar adalah daripada Pemberian Persekutuan iaitu berjumlah RM189.81 juta bersamaan 9.26 peratus.

Dengan mengambil kira jangkaan Hasil Negeri yang berjumlah RM 2.1 bilion dan anggaran perbelanjaan berjumlah RM 2.323 bilion, maka Belanjawan 2022 akan mengalami defisit berjumlah Ringgit Malaysia Dua Ratus Dua Puluh Dua Juta (RM222,718,439). Defisit ini adalah lebih tinggi berbanding tahun 2021 bagi penyediaan peruntukan pembangunan yang substantif bagi mengukuhkan pemacuan ekonomi pasca pandemik COVID-19 sekaligus membina negeri tahan uji dalam pelbagai aspek.

Anggaran perbelanjaan Mengurus sebanyak RM 1.220 bilion bagi tahun 2022 adalah merangkumi perbelanjaan bagi Emolumen berjumlah RM 446.73 juta, Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM 530.81 juta, Aset berjumlah RM 11.79 juta, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah RM 191.14 juta serta RM 39.53 juta untuk Perbelanjaan-perbelanjaan Lain.

Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merupakan komponen terbesar mencakupi 43.51 peratus daripada perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri. Jumlah ini termasuk antaranya kenaikan Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kg. Baru/Bagan dan Ketua Komuniti India (KKI) sebanyak RM 3.9 juta, peruntukan bagi Elaun Jawatankuasa dan Petugas Masjid RM 6.5 juta serta Sewaan Bangunan Ibu Pejabat dan Sembilan (9) buah Mahkamah Rendah Syariah (MRS) berjumlah RM 17.67 juta.

Belanja Mengurus

Mulai Belanjawan 2019, inisiatif kawalan perbelanjaan dilaksanakan di peringkat lebih awal, iaitu semasa penyediaan belanjawan dengan pengurangan 5 peratus peruntukan Mengurus sedia ada setiap Jabatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri. Formula ini diteruskan pada Belanjawan 2020 dengan pengurangan sebanyak 4 peratus dan sebanyak 2 peratus lagi dalam Belanjawan 2021.

Hasil daripada pelaksanaan secara berperingkat sejak tahun 2019 hingga 2021, peruntukan mengurus telah merekodkan penjimatan terkumpul (kumulatif) sebanyak RM 144.64 juta. Langkah pengurangan ini dilihat berkesan dalam meningkatkan kesedaran pentingnya perbelanjaan secara berhemah.

Justeru, dalam Belanjawan 2022, Pentadbiran Kerajaan Negeri meneruskan instrumen kawalan perbelanjaan Jabatan dengan pengurangan dua (2) peratus peruntukan mengurus sedia ada setiap Jabatan dengan anggaran penjimatan sebanyak RM 18.9 juta.

Instrumen kawalan perbelanjaan ini akan lebih inklusif dan berhasil sekiranya setiap Jabatan turut mengoptimumkan sumber manusia dengan prinsip *doing more with less*, pengautomasian proses kerja dan pengurusan kewangan yang cekap tanpa menjejaskan prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Berikutan penurunan aktiviti ekonomi pada tahun 2021 ini, Kerajaan Negeri mengambil tindakan yang proaktif dalam melaksanakan beberapa semakan terhadap anggaran hasil pada Mac 2021 dan juga Julai 2021.

Dengan semakan yang dilakukan secara berkala ini, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa strategi bagi mencapai anggaran hasil yang disasarkan pada tahun lepas.

Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk mengadakan satu instrumen kawalan bagi mengawal perbelanjaan dengan mengehadkan kadar perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan tahun 2021 setiap Jabatan kepada maksimum 95% dan 75% sahaja. Ini

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

membuktikan Kerajaan Negeri sentiasa siap siaga ketika berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi.

Belanja Pembangunan

Belanjawan 2022 mencadangkan peruntukan pembangunan berjumlah RM 1.123 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebahagian besarnya adalah diperuntukkan bagi tujuan pembangunan ekonomi di mana Pembangunan Infrastruktur masih terus menjadi keutamaan dengan peruntukan sebanyak RM 351.78 juta atau 31.33 peratus. Sebanyak RM 301.57 juta ataupun 26.85 peratus pula diperuntukkan bagi tujuan pembangunan sosial, dan sebanyak RM 292.28 juta pula diperuntukkan bagi tujuan pembangunan ekonomi, iaitu bersamaan dengan 26.03 peratus.

TERAS BELANJAWAN 2022

Demi menjayakan tema **KITA SELANGOR: NEGERI TAHAN UJI, MENGANGKAT MARTABAT INSANI** saya menggariskan lima teras utama seperti berikut:

Pertama: **Memacu Pertumbuhan Ekonomi Berimpak Tinggi dan Meningkatkan Kecekapan Penyampaian**

Kedua: **Membangun Masyarakat Penyayang dan Kesejahteraan Sosial**

Ketiga: **Mengukuhkan Agenda Kesihatan Awam Selangor**

Keempat: **Mewujudkan Persekitaran Hijau dan Pembangunan Lestari**

Kelima: **Mengoptimumkan Teknologi Pintar dan Digitalisasi**

TERAS PERTAMA: MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI BERIMPAK TINGGI & MENINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN.

Pengenalan

Pandemik COVID-19 yang berlarutan dari tahun 2020 sehingga sekarang telah memberi implikasi yang besar, terutamanya terhadap sektor ekonomi dan sosial. Penutupan sektor ekonomi berikutan pelaksanaan beberapa siri perintah kawalan pergerakan telah memberi implikasi yang besar dan merencatkan pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Selangor telah merangka beberapa inisiatif bagi pemulihan dan pengukuhan ekonomi pasca pandemik COVID-19 dengan memberikan penumpuan ke atas program berimpak tinggi yang akan memberi kesan gandaan positif ke atas rangkaian ekonomi negeri Selangor. Untuk usaha-usaha ini sebanyak RM 416.156 juta diperuntukkan dalam Belanjawan ini.

Dasar Memudahcara Perniagaan (*Ease of Doing Business*)

Bagi meningkatkan lagi tarikan Selangor sebagai pilihan utama pelabur tempatan dan luar negara, Kerajaan Negeri akan memudahkan cara perjalanan perniagaan khususnya dari segi kebenaran merancang (KM), pelan bangunan (PB) dan pelan infrastruktur (PI).

Dalam pada itu, proses pembangunan tanah yang biasanya mengambil masa 270 hari atau sehingga setahun di Selangor akan dijimatkan hampir 50 peratus.

Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) mengukuhkan implementasi Smartbox PTGS bagi memudahkan urusan dan transaksi. Ini ekoran usaha yang diumumkan pada tahun 2020 tetapi menghadapi beberapa kekangan daripada Akta Tanah Negara. Kemudahan tersebut akan dilaksanakan dan diperluaskan pada tahun 2022 ke seluruh negeri Selangor.

Bagi memacu dan menggalakkan pembangunan rumah mampu milik untuk rakyat, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi insentif pengecualian 100 peratus bayaran caj pemajuan iaitu RM 500 bagi pembinaan rumah mampu milik. Insentif ini akan bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2023.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Selain itu, Dasar 100 Hari Kelulusan Tanah yang sebelum ini mensyaratkan bayaran deposit premium tanah 150% daripada anggaran akan diturunkan kepada 100% untuk mempermudah urusan pihak industri.

Dengan beberapa langkah ini kita yakin dapat meningkatkan kadar *ease of doing business* di Selangor dan menggamit para pelabur untuk terus merencanakan ekonomi negeri.

Jalur Lebar Industri Selangor (JALIN)

Bagi mengukuhkan kedudukan negeri Selangor sebagai negeri pilihan utama pelabur tempatan dan luar negara, kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh syarikat kecil, sederhana dan multinasional selain elektrik dan air seperti infrastruktur jalur lebar mudah alih di sekitar kawasan perindustrian.

SMARTSEL selaku penyedia infrastruktur telekomunikasi negeri Selangor akan bekerjasama dengan pemain industri telekomunikasi sedia ada dalam menyediakan jalur lebar di kawasan industri teknologi tinggi dengan peruntukan sebanyak RM 6 juta bagi tahun 2022.

Selangor International Business Summit 2022

Sejak dianjurkan pada tahun 2015, Selangor International Business Summit (SIBS) telah menjadi jenama yang terkemuka di kalangan pemain industri dan perniagaan di rantau ini. Sejak 3 tahun yang lalu, SIBS telah berjaya mengumpulkan lebih 119,647 orang pengunjung dan 1621 pempamer dengan jumlah transaksi sebanyak RM642.69 juta.

SIBS merupakan acara tahunan merangkumi enam komponen iaitu Ekspo Antarabangsa Selangor (F&B), Persidangan Perniagaan ASEAN Selangor (SABC), dan Ekspo R&D dan Inovasi Selangor. Ia turut meliputi Ekspo Antarabangsa Selangor (Perubatan) dan Ekspo Taman Perindustrian Selangor (SPARK), yang akan mendorong lebih banyak peluang perniagaan turut diadakan secara sampingan.

Untuk tahun yang ke-7, SIBS 2022 akan turut meluaskan komponen Konvensyen Bandaraya Pintar & Ekonomi Digital Selangor (SDEC) menjadi ASEAN Smart City

Conference. Sebanyak RM 15 juta akan diperuntukkan kepada Invest Selangor untuk menjayakan Selangor International Business Summit 2022.

Pembangunan Kompleks Perumahan Pekerja Selangor

Selangor akan memulakan usaha membina Kompleks Perumahan Pekerja Selangor melalui PKNS yang akan memartabatkan hak asasi pekerja industri melalui penyediaan kemudahan kediaman yang kondusif, sistematik, berpengurusan, dan selamat, terutamanya aspek kesihatan seperti sistem pengudaraan ataupun *ventilation*. Kerajaan Negeri juga bakal menikmati manfaat menerusi pengukuhan sektor ekonomi baharu, mengurangkan stigma negatif rakyat kepada pekerja industri warganegara asing, menyelesaikan isu sosial dan kesihatan dan seterusnya mampu merancakkan kembali sektor ekonomi pasca pandemik COVID-19. Usaha ini akan menepati Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446].

Sehingga kini, kawasan seluas 145 ekar dikenalpasti, iaitu 59 ekar tanah Kerajaan Negeri dan 86 ekar tanah milik PKNS untuk dijadikan sebagai kompleks perumahan pekerja dianggarkan dapat menempatkan kira-kira 60,000 pekerja, antaranya adalah:

- (i) Petaling di Taman Perindustrian USJ 1, Subang Jaya (3 ekar)
- (ii) Klang di Kawasan Perindustrian Pulau Indah, Klang (10 ekar)
- (iii) Hulu Langat di Kawasan Perindustrian Kg. Baru Balakong (2 ekar);
- (iv) Gombak Taman Velox Bandar Rawang (5 ekar);
- (v) Kuala Langat di Telok Panglima Garang (8 ekar);
- (vi) Kuala Selangor di Pekan Bestari Jaya (9 ekar);
- (vii) Hulu Selangor di Brownfield, Bandar Bukit Sentosa (12 ekar);
- (viii) Sabak Bernam di Sungai Lang (10 ekar).

Kompleks ini akan turut dilengkapi dengan kedai dobi, restoran, kedai runcit menjadikannya sebuah komuniti tersendiri. Projek kerjasama awam-swasta ini diperuntukkan RM5 juta sebagai dana awal.

Industri Aeroangkasa

Bagi memberikan nafas baharu kepada industri aeroangkasa ini, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Selangor Aviation and Technology Innovations Sdn. Bhd. (SELATI), Pusat Kecemerlangan SELATI_UNISEL, SELATI-UNISEL School of Aviation, *Selangor Skills Framework & Career Pathway* Bagi Industri Aerospace.

Usaha-usaha ini akan mewujudkan peluang pelaburan baru bagi syarikat-syarikat pembekal aeroangkasa, kepintaran buatan dan pembangunan dron bertempat di Universiti Selangor (UNISEL), Bestari Jaya, tawaran Kursus Latihan Jangka Pendek dan juga Program Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Penerbangan serta pembangunan modal insan berkemahiran dan pasaran buruh untuk menyokong industri aeroangkasa.

Selangor Aviation Show 2022

Semalam saya baru merasmikan Selangor Aviation Show 2021 yang pertama dianjurkan yang dicetuskan selepas misi pelaburan saya ke Paris Airshow pada tahun 2019 yang lalu. Kerajaan Negeri berharap acara tahunan yang dapat menghimpunkan pemain aeroangkasa dan penerbangan yang terbaik di dunia bagi mewujudkan peluang perniagaan dan pelaburan berpotensi di peringkat domestik dan antarabangsa.

Sekurang-kurangnya 5,000 pelawat dan 30 peserta pameran dari syarikat tempatan dan antarabangsa, termasuk pameran pesawat terbang statik, dan forum perbincangan disasarkan akan hadir ke acara ini. Bagi menjayakan pameran ini pada tahun hadapan, RM5 juta diperuntukkan untuk Selangor Aviation Show 2 2022.

Industri Rel Negeri Selangor

Kerajaan Negeri melihat terdapat potensi yang tinggi di dalam industri rel negeri Selangor yang dapat dikembangkan seperti mana industri aeroangkasa. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri telah menubuhkan Majlis Industri Rel Negeri Selangor untuk melakar dan mengukuhkan industri rel di negeri Selangor.

Majlis yang bakal mengumpulkan kekuatan daripada 50 buah syarikat dengan tenaga kerja hampir 8,000 orang ini akan menjadikan industri rel sebagai salah satu tonggak yang memberikan impak besar kepada ekonomi negeri dan mencipta peluang-peluang

pekerjaan di Selangor selain daripada merancang dan merangka program-program pembangunan dan promosi industri rel di negeri Selangor.

Koridor Pembangunan Selatan Selangor

Kerajaan Negeri akan menerajui pembangunan kawasan industri baharu di selatan Selangor yang meliputi beberapa aspek bagi meneroka dan merealisasikan potensi sebenar kawasan ini yang terletak berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA di Sepang.

Selangor International Aero Park di kawasan Sepang akan dibangunkan meliputi Zon Perdagangan Bebas, teknologi hijau serta sumber tenaga boleh diperbaharui.

Projek ini yang akan diterajui oleh anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu MBI dengan menyediakan fasiliti lengkap di atas tanah seluas 2,000 ekar yang diingini industri aeroangkasa, iaitu perkhidmatan servis dan pembaikan, gudang penyimpanan bahan mentah, komponen dan alat ganti pesawat, aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta pusat simulator yang dilengkapi teknologi terowong angin bagi kegunaan ujian pesawat. Selangor International Aero Park berupaya menarik perhatian syarikat aeroangkasa yang menyediakan *original equipment manufacturer* ataupun (OEM), syarikat penerbangan, syarikat pengendali pesawat komersial dan peribadi serta syarikat yang terlibat dalam industri pertahanan dan teknologi.

Pembangunan Ekonomi Sabak Bernam

Daerah Sabak Bernam merupakan hab pengeluaran makanan utama di negeri Selangor. Bagi memastikan sektor pertanian dan pengeluaran makanan di negeri Selangor dapat ditingkatkan, maka beberapa inisiatif-inisiatif baru akan dilaksanakan bagi membangunkan ekonomi di daerah Sabak Bernam secara lebih holistik dan terancang. Antara inisiatif penting yang dikenalpasti adalah pembangunan industri hiliran.

- i) Membangunkan Pusat Industri Hiliran Hasil Laut dan Agro Makanan seluas 450 ekar - ini melibatkan pelaburan sekitar RM500 juta dari pihak kerajaan dan swasta. Pusat ini akan dilengkapi jeti pelabuhan bersaiz sederhana, kilang pemprosesan hasil laut dan Agro Makanan, kemudahan simpanan sejuk beku dan terminal pengangkutan.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

- ii) Pembinaan Pusat Sembelihan Ayam di Sekindi – RM 15 juta
- iii) Pembinaan Kilang Minyak Sawit di Jelutong Jati – RM 50 juta
- iv) Pusat Logistik dan Perdagangan di Sg. Lang dan Hentian di Air Manis - 36 ekar dengan nilai pelaburan sekitar RM 500 juta.

Untuk tujuan pelancongan, Kerajaan Negeri telah membaiki dan meningkatkan prasarana Kelong Paradise di Bagan Nakhoda Omar sebagai salah satu produk pelancongan dengan menjadikan kawasan sekitarnya sebagai taman ikan.

Bangunan Hay Resort milik Kerajaan Negeri juga akan dibangunkan semula dengan penyertaan pihak swasta dengan pelaburan sekitar RM 20 juta bagi menyediakan kemudahan untuk para pelancong berkunjung, melancong, dan menginap di Sabak Bernam.

Hab Logistik Serendah

Dengan wujudnya kilang UMW High Value Performance Manufacturing Park Serendah yang menghasilkan kepala gerabak keretapi serta pengoperasian pembaikan komponen kapal terbang seperti *fan case* di sana, Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan Serendah sebagai sebuah hab logistik bagi memenuhi kehendak ekonomi masa kini yang sangat bertumpu kepada industri sokongan ini.

Pengkelasan ini juga bertepatan dengan kedudukan istimewa Serendah dalam Rancangan Malaysia ke-12 yang menyaksikan bidang aeroangkasa serta logistik yang akan menjadi penjana ekonomi baharu negara.

Pembangunan Lestari Sungai Klang

Impian sekian lama membangunkan Sungai Klang kini menjadi kenyataan dengan satu lagi projek ekonomi berimpak tinggi yang akan bermula pada tahun 2022. Seluas 600 ekar tanah Kerajaan Negeri telah dikenalpasti di sepanjang 56km jajaran Sungai Klang, dan akan dibangunkan dalam tempoh lapan (8) hingga sepuluh (10) tahun akan datang.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Untuk tahun 2022, Landasan Lumayan Sdn Bhd melalui syarikat bersekutunya iaitu Landasan Lumayan Berjaya Sdn Bhd akan melancarkan pembinaan 2,000 unit kediaman mampu milik dan 1,400 unit kediaman harga bebas dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM 1.0 billion.

Pembangunan lestari yang digarap melalui Projek SMG tidak hanya menumpukan aspek ekonomi dan alam sekitar, sebaliknya menitikberatkan faktor kebolehidupan dan kesejahteraan rakyat terutamanya kategori B40 dan M40. Konsep baru kediaman mampu milik akan diperkenalkan berkeluasan 900 kaki persegi dengan 3+2 buah bilik serta empat (4) bilik air lengkap dengan ciri *dual-key concept*. Pemilik kediaman boleh menyewakan sebahagian bilik yang tidak digunakan untuk menjana pendapatan tambahan. Ini secara tidak langsung dapat membantu rakyat kategori B40 dan M40 dalam mendepani kos sara hidup yang semakin mencabar di kawasan bandar.

Menjelang tahun 2030, pesisir Sungai Klang bakal menyaksikan pembangunan 26,000 unit kediaman akan disediakan. Daripada jumlah itu, 50% atau 13,000 unit adalah melibatkan pembangunan kediaman mampu milik.

Industri Halal

Bagi meneruskan kelangsungan dan kecemerlangan industri halal di Negeri Selangor pada tahun 2022, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM 2 juta untuk Taman Perindustrian Halal pertama di Malaysia iaitu Pulau Indah Halal Hub seluas 700 ekar yang dikhaskan untuk pelbagai industri Halal bagi memenuhi akreditasi kualiti di peringkat domestik mahupun antarabangsa.

Melalui Selangor Halal Action Plan (SELHAP) 2018 - 2028, Kerajaan Negeri akan:

- (i) Mewujudkan portal halal dalam talian secara berpusat iaitu Platform Perniagaan Dalam Talian IMFAN (*International Muslim Friendly Affiliated Network*) untuk semua pihak yang mempunyai kepentingan kepada industri halal di Negeri Selangor.
- (ii) Mewujudkan pangkalan data bahan halal *Central Information Platform* (CIF) yang akan menjadi sumber rujukan utama untuk pensijilan halal dari pelbagai

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

sektor industri halal meliputi rantaian pembekalan halal di peringkat tempatan mahupun global.

- (iii) Membina Gudang Simpanan Eksibit yang serba moden di Negeri Selangor dengan peruntukan sebanyak RM 500 ribu bagi tahun 2022. Gudang ini bakal dibina di daerah Klang, sesuai dengan lokasi kemasukan barangan daripada luar negara dan kemajuan ekonomi di daerah tersebut.

Industri Pelancongan

Sektor pelancongan merupakan salah satu industri yang amat terkesan akibat pandemik COVID-19 yang melanda pada tahun 2020.

Beberapa inisiatif telah dikenalpasti untuk merangsang sektor pelancongan dengan anggaran peruntukan sebanyak RM 114.6 juta bagi tempoh 2021-2025 yang melibatkan semua sektor industri di Negeri Selangor.

- i) Geran Bantuan Pemulihan kepada Penggiat Industri Pelancongan untuk Tahun 2022 (Pakej Kita Selangor).
- ii) Pemerkasaan Kempen Promosi Pelancongan Negeri Selangor (Kempen Pusing Selangor Dulu & Kempen Splendid Selangor)
- iii) Penyediaan dan Pelaksanaan SOP Pelancongan “Selamat Dan Sihat” untuk Negeri Selangor.
- iv) Penganjuran Acara Persidangan Pelancongan *Tourism Selangor Global Convention* untuk Tahun 2022
- v) Pembangunan Infrastruktur Pelancongan dan Kraftangan

Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

Negeri Selangor sebagai Hab Pengangkutan & Pemacu Infrastruktur Negara merujuk kepada kedudukan Negeri Selangor di tengah-tengah Semenanjung Malaysia yang

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

pesat membangun sebagai pemangkin kepada aktiviti pengangkutan laut, udara dan darat di Semenanjung Malaysia.

Dengan kapasiti panjang keseluruhan Jalan Negeri di Negeri Selangor iaitu sepanjang 4,394.189 km merupakan jaringan infrastruktur yang menghubungkan sembilan (9) Daerah di Negeri Selangor ke Jalan-Jalan Persekutuan serta menjadi komponen penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi, mobiliti sosial dan negara.

Ketersambungan Jaringan Jalan Raya

Kerajaan Negeri berazam merapatkan jurang pembangunan antara daerah dengan meningkatkan jaringan jalan raya yang lebih luas. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM 138.13 juta kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi pelaksanaan projek - projek jalanraya pada tahun 2022.

Pengurusan Pintar Aset Jalan Raya

Sebuah sistem baharu dalam talian telah dibangunkan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri SELGEM Sdn. Bhd. dan berupaya untuk mencerap data-data seperti perabut jalan, jalan berlubang, garisan jalan pudar serta kerosakan-kerosakan lain secara pantas.

Sistem yang diintegrasikan dengan perisian Geographic Information System (GIS) ini sudah pun dipakai dan akan diperluaskan penggunaannya untuk jalan-jalan lain di seluruh negeri Selangor dengan pembiayaan sepenuhnya oleh MBI dan akan digabungkan dengan sistem pelaporan sedia ada.

Pembinaan Jalan Baru

Sebanyak RM 44 juta diperuntukkan pada tahun 2022 untuk menampung kerja-kerja pembinaan jalan baru yang sedang dalam pembinaan. Jalan-jalan baru ini akan melalui kawasan-kawasan baru dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi sekitar yang melibatkan beberapa daerah seperti Gombak, Sepang dan Kuala Langat. Projek yang akan mula dilaksanakan pada tahun hadapan antaranya adalah:

- i. Membina Jalan sambungan Sg. Kelambu – Genting Sanyen, Kuala Langat dengan peruntukan sebanyak RM 10 juta.

- ii. Membina Jalan menghubungkan Kampung Sri Indah A ke Jalan Hospital Sungai Buloh (B9) dengan peruntukan sebanyak RM 10 juta.

Kerja-Kerja Pembinaan Jambatan Dan Jejantas

Untuk meneruskan pembinaan Jambatan Kg. Sungai Kundang, Gombak, serta membina Jambatan Kg. Sungai Buah di Sepang, sebanyak RM 8.23 juta diperuntukkan bagi tahun 2022.

Menaiktaraf Jalan Sedia Ada

Selain itu juga kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebanyak RM65.4 juta bagi memastikan jalan-jalan sedia ada dapat menampung peningkatan aliran trafik semasa dan mengatasi masalah kesesakan di jalan-jalan Negeri termasuk cadangan projek naiktaraf.

Pewartaan Jalan-Jalan Negeri

Pihak Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 2 juta untuk melaksanakan kerja-kerja pewartaan jalan-jalan negeri di Negeri Selangor yang melibatkan sembilan (9) Daerah di Negeri Selangor secara berperingkat.

Membina dan Menaiktaraf Projek Bangunan

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memastikan infrastruktur sedia ada lebih selamat dan dengan itu peruntukan sebanyak RM 4.98 juta diperuntukkan untuk kerja-kerja membina dan menaiktaraf projek bangunan termasuk membaikpulih Istana seluruh Selangor dan pelbagai projek bangunan.

Pembangunan Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam (Fasa 2B)

Untuk tahun 2022, Kerajaan Negeri telah bersetuju meluluskan pembinaan Perpustakaan Raja Tun Uda Fasa 2B. Fasa ini merupakan kesinambungan daripada projek Pustaka Raja Tun Uda Fasa 1 dan Fasa 2A. Pembinaan Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam (Fasa 2B) adalah terdiri dari pembinaan *Royal Gallery*, *Menteri Besar Gallery* dan *Creative Learning Library*. Projek pembangunan ini nanti turut sama menempatkan *Creative Learning Hall and Space*, iaitu ruangan yang mempunyai dwi-fungsi sebagai ruang pameran dan juga ruang bacaan senyap.

Kemudahan awam lain seperti kawasan penjaja makanan, tempat beriadah dan parkir tambahan turut sama akan dibangunkan. Justeru, pembangunan institusi perpustakaan merupakan satu penanda aras yang penting dalam memenuhi keperluan hidup masyarakat serta merealisasikan sebuah taman ilmu untuk rakyat Selangor. Bagi tujuan ini, sebanyak RM 500 ribu disediakan untuk tahun 2022 bagi melaksanakan kerja-kerja awalan.

Pembangunan Usahawan dan Pemberdayaan Pekerja

Selangor Digital School (SDS)

Kerajaan Selangor melalui Selangor Information Technology and Digital Economy Corporation (SIDEK) akan menubuhkan Selangor Digital School (SDS) dengan kerjasama Universiti Selangor (UniSEL) serta The Hive untuk menawarkan kursus-kursus berkaitan digital dan teknologi yang relevan dan memenuhi keperluan pasaran serta mendapat pengesahan daripada Institusi Pengajian Tinggi.

The Hive telah dipilih sebagai salah satu daripada lapan syarikat modal menyertai Program Padanan Penjana Nasional Kapital dibawah Kementerian Kewangan (MOF). Dengan pelaburan Kerajaan Selangor dan The Hive, maka dijangka Penjana Nasional juga akan memberikan pelaburan yang sepadan. Ini membolehkan Selangor Digital School mempunyai modal yang kukuh untuk menonjolkan kedudukannya yang akan menawarkan tenaga pengajar yang berpengalaman, membina sistem pembelajaran hibrid yang terkini dan menjalankan pemasaran digital secara besar-besaran.

HIJRAH Selangor

Sehingga kini, Kerajaan Negeri melalui HIJRAH telah menawarkan empat (4) jenis Skim Pembiayaan kepada golongan sasaran iaitu Skim Pembiayaan Mikro, Skim Pembiayaan Zero To Hero, Skim Pembiayaan Go Digital dan Skim Pembiayaan Niaga Darul Ehsan (NADI).

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Berikut adalah penambahbaikan yang akan dilaksanakan dalam skim-skim HIJRAH:

- (i) Memperuntukkan RM 120 juta untuk memberikan pembiayaan kepada usahawan.
- (ii) Mewujudkan skim pembiayaan baharu kepada usahawan yang berpotensi meningkatkan perniagaan ke tahap IKS dengan menawarkan jumlah pembiayaan sehingga RM 100 ribu. Sasaran awal pembiayaan melibatkan jumlah sebanyak RM 10 juta.
- (iii) Menyokong dasar jaminan makanan (*Food Security*), Kerajaan Negeri mewujudkan skim pembiayaan i-AGRO yang memberi fokus kepada 2000 usahawan tani dengan jumlah pembiayaan maksimum RM 26 ribu. Sasaran pelaksanaan skim ini berjumlah RM 52 juta.
- (iv) Mewujudkan satu pusat perniagaan yang berkonsepkan pemusatan pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung yang dikenali sebagai Dataran Hijrah.
- (v) Meningkatkan jumlah minimum pinjaman dari RM 5,000 ke RM 10,000 bagi program Zero-to-Hero
- (vi) Mengurangkan caj pengurusan yang harus dibayar peminjam dari 8 peratus kepada 4 peratus untuk pinjaman RM 30,000 ke bawah.
- (vii) Membatalkan syarat yang mewajibkan peminjam mempunyai 25 peratus dari jumlah pinjaman dalam akaun.

Program Bantuan Peralatan Usahawan India Selangor (i- SEED)

Penubuhan Unit Dana Usahawan India Selangor yang dikenali sebagai I-SEED (*Indian Selangor Empowerment and Entrepreneurs Development*) berperanan membantu memberi pendedahan kepada masyarakat India terutamanya terhadap program-program pemerksaan dalam menghasilkan individu yang berkemahiran tinggi serta melahirkan usahawan baru agar dapat meningkatkan keupayaan keusahawanan sedia ada.

Program pemberian bantuan berbentuk peralatan perniagaan kepada usahawan masyarakat India merupakan salah satu aktiviti di bawah unit ini dan pada tahun 2021, seramai 254 orang usahawan telah berjaya dibantu dengan peruntukan yang telah dibelanjakan sebanyak RM 1.146 juta. Program ini akan diteruskan untuk tahun 2022 dengan jumlah peruntukan yang sama.

Geran Padanan Digital SIDEC

Kerajaan Negeri melalui SIDEC telah memperuntukkan 50% geran padanan atau pembiayaan maksimum sehingga RM 5 ribu kepada setiap PKS untuk melanggan pembekal perkhidmatan digital. Jumlah keseluruhan dana ini adalah sebanyak RM 5 juta dan ia merangkumi lima (5) bidang digital yang ditetapkan iaitu e- dagang, sistem sumber manusia, sistem perakaunan, pemasaran digital dan sistem elektronik *point of sales* dan *payment gateway*.

Sehingga 10 November 2021, semua peruntukan telah berjaya digunakan sepenuhnya, yang mana 1,500 Perindustrian Kecil dan Sederhana telah membuat permohonan, manakala 1,048 syarikat yang layak telah diluluskan permohonannya. Jumlah syarikat yang berjaya didigitalisasikan iaitu 1,048 syarikat melebihi sasaran awal iaitu 1,000 syarikat PKS.

Geran Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS)

Bantuan ini diberikan kepada usahawan mikro melalui sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Dana ini merupakan program khas untuk membantu usahawan mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju.

Sebanyak RM 2 juta diperuntukkan untuk program DUMS. Setiap pemohon yang menepati syarat dan kelayakan yang ditetapkan akan dipertimbangkan untuk menerima bantuan sehingga RM 30 ribu.

Unit Pemberdayaan Pekerja Selangor

Kerajaan Negeri Selangor menubuhkan Unit Pemberdayaan Pekerja Selangor (UPPS) dengan memperuntukkan sebanyak RM 1 juta pada tahun 2022 bagi membantu rakyat

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Selangor khususnya golongan B40 yang telah kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan.

Unit ini akan bertindak sebagai pelaksana bersama jabatan dan agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam menyelesaikan permasalahan pekerjaan golongan B40 di samping menyediakan bantuan berbentuk program kemahiran jangka pendek dan sederhana di dalam usaha membantu memberi dan meningkatkan kemahiran baru golongan B40 yang terjejas untuk meneruskan kehidupan dengan menceburi pekerjaan alternatif yang dapat dijadikan sebagai punca pendapatan baharu.

Unit Pemantauan Pelaksanaan dan Prestasi Selangor

Kerajaan Negeri meletakkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian sebagai keutamaan memastikan perkhidmatan awam negeri memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat.

Aspek pemantauan terhadap prestasi dan pencapaian agenda Kerajaan Negeri serta mengelakkan ketirisan sambil meningkatkan kecekapan akan dilaksanakan secara berkala untuk memastikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti sampai kepada golongan sasaran, terutamanya rakyat.

Kerajaan Negeri akan menubuhkan satu unit iaitu Selangor Implementation and Performance Monitoring Unit (SIAP) untuk mengukur dan menilai prestasi dan pencapaian Kerajaan Negeri dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat serta memantau prestasi pelaksanaan sesuatu inisiatif dan projek. Unit ini akan diletakkan terus di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi memudahkan proses pemantauan dan pelaporan.

Polisi Integriti dan Tadbir Urus Anak Syarikat

Sejak Januari 2021, MBI dan kumpulan anak syarikat telah menerima pakai 7 polisi Integriti dan Governans yang dibentuk dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia. Polisi ini adalah sebagai bukti pendirian MBI dan kumpulan anak syarikat yang mengutamakan amalan integriti dalam setiap urusan yang dilaksanakan.

Langkah seterusnya adalah pembudayaan dan penguatkuasaan polisi yang melibatkan seluruh kakitangan, pemegang taruh, vendor dan lain-lain pihak yang berhubung dan mempunyai kepentingan dengan MBI.

Kerjasama strategik dan program bersama Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia adalah juga salah satu langkah yang dilaksanakan oleh MBI bagi memastikan program latihan untuk anggota menjadi pegawai integriti bertauliah serta bimbingan dalam pengurusan isu-isu Integriti dan Governans.

Pelaksanaan Program Kerajaan Tempatan

Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, pembangunan bandar yang inklusif dan saksama di seluruh Negeri Selangor akan diberi penekanan. Oleh yang demikian, dalam membangunkan Negeri Selangor ke arah bandar sejahtera dan negeri maju, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM4 juta di bawah program Kerajaan Tempatan.

Antara program yang akan dilaksanakan adalah menaiktaraf kemudahan asas dan infrastruktur di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor serta mewujudkan program- program kemasyarakatan berteraskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Kemudahan Portal E-semakan Dan E-bayaran Cukai Tanah / Petak

Salah satu kemudahan dalam talian yang telah diperkenalkan untuk memudahkan urusan pembayaran cukai tanah dan cukai petak di Negeri Selangor ialah portal eSemakan dan eBayaran Cukai Tanah. Portal ini membolehkan bayaran cukai dijelaskan pada bila-bila masa dan pembayar cukai tanah tidak perlu hadir ke kaunter seperti kelaziman sebelumnya.

Keupayaan portal ini akan ditingkatkan dengan kemudahan urusan bayaran *Business-to-Business* (B2B) menggunakan kemudahan *Financial Process Exchange* (FPX), kemudahan untuk capaian dan cetakan bil cukai tanah dan cukai petak, dan kemudahan untuk cetakan resit bayaran cukai tanah dan cukai petak.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Prestasi bayaran melalui portal dilihat semakin meningkat dan berdasarkan Laporan Pembayaran Mengikut Cara Bayar sehingga 31 Mei 2021, pembayaran melalui portal mencatatkan 390,194 transaksi dengan jumlah kutipan sebanyak RM104 juta iaitu 30% daripada jumlah kutipan cukai tanah dan cukai petak secara keseluruhan.

Penguatkuasaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran

Sehingga Disember 2020, sebanyak 4,728 buah lot dan 5,755 buah kilang telah dikenal pasti dan dibanci. Daripada jumlah tersebut sebanyak 367 lot telah mengemukakan permohonan menukar kategori dan syarat nyata tanah. Dengan terlaksananya Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran ini, pihak Kerajaan Negeri juga telah berjaya memungut hasil sebanyak RM 76 juta setakat Julai 2021 untuk dijadikan sebagai sumber pendapatan baharu bagi Kerajaan Negeri.

Program Permit Khas juga akan dilaksanakan bagi penggunaan sementara tanah pertanian yang digunakan selain pertanian dan pelaksanaan Permit Khas Kediaman Selain Daripada Tujuan Kediaman ataupun Perniagaan.

Tindakan penguatkuasaan dijalankan bagi memastikan perancangan bandar oleh Kerajaan Negeri teratur dan tersusun serta bagi kesaksamaan semua pengusaha-pengusaha syarikat selain memastikan tiada ketirisan atau kebocoran dalam usaha untuk menjana pendapatan baharu di Negeri Selangor ini.

TERAS KEDUA: MEMBANGUN MASYARAKAT

PENYAYANG DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL

Iltizam Selangor Penyayang (ISP)

Sejak dari tahun 2008, program kesejahteraan sosial sentiasa menjadi tonggak penting di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor untuk manfaat seluruh lapisan masyarakat di negeri ini tanpa mengira kaum dan agama. Bermula dengan program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) kemudian disusuli dengan Inisiatif Peduli Rakyat (IPR), sebanyak RM 4.7 bilion telah dibelanjakan selama ini oleh Kerajaan Negeri dalam pelbagai inisiatif dan limpahan bantuan yang sewajarnya. Sejak 13 tahun yang lalu, lebih

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

daripada 62 juta permohonan daripada mustadh'afin dan mereka yang memerlukan di negeri Selangor telah dipenuhi.

Setelah lebih satu dasawarsa, Kerajaan Negeri sentiasa memantau aktif dan mencari kaedah dan pendekatan baru sesuai dengan keperluan semasa. Sukacita ingin saya tegaskan bahawa program-program perlindungan sosial ini bukan sahaja akan dikekalkan tetapi telah ditambah baik dan dijangka untuk pemberdayaan rakyat.

Semua program-program tersebut akan berada di bawah pakej baharu yang dinamakan sebagai **Itizam Selangor Penyayang**. Itizam merujuk kepada tekad dan kesungguhan yang bukan hanya kulitan tetapi berdasarkan rujukan dan piawaian seperti yang digariskan di dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) sesuai dengan norma baharu dan keperluan rakyat.

Itizam Selangor Penyayang ini adalah langkah ataupun fasa baharu yang akan membantu mengupaya dan memberdaya rakyat Selangor serta meningkatkan '*social safety net*'. Secara keseluruhannya, kesemua program kebajikan akan diperuntukkan sebanyak RM 305.19 juta pada tahun depan.

Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS)

Antara program baharu yang akan dilaksanakan adalah BINGKAS. Bagi mendepani cabaran pasca pandemik, Kerajaan Negeri melihat keperluan untuk meluaskan capaian dan menambah baik program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan KISS Ibu Tunggal (KISS-IT) supaya manfaatnya dapat dirasai bukan sahaja oleh golongan ibu tetapi juga oleh keseluruhan keluarga. Itizam yang dinamakan sebagai Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) ini akan memperuntukkan RM3,600 setahun ataupun RM 300 sebulan kepada setiap keluarga yang layak.

Bantuan ini boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti dari membeli barang keperluan rumah, membayar yuran dan juga pendidikan anak-anak serta menyara kehidupan rakyat. Kerajaan Negeri menyasarkan sebanyak 30,000 keluarga di Selangor akan menerima manfaat BINGKAS dengan peruntukan RM108 juta dan jangkaan 180,000 penerima manfaat. Pada tahun 2021, penerima bantuan KISS dan KISS-IT sedia ada

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

adalah seramai 21,000 orang serta 9,000 orang tambahan penerima akan menikmati manfaat Program BINGKAS yang dijangka bermula pada Februari 2022.

Skim Mesra Usia Emas (SMUE)

Iltizam Sayang Usia Emas telah berjaya menghimpunkan seramai 402,000 orang yang telah mendaftar sebagai ahli Skim Mesra Usia Emas. Mereka yang mendaftar akan mendapat manfaat baucer beli-belah RM100 pada bulan kelahiran dan juga khairat kematian bernilai RM500. Peruntukan bagi pelaksanaan SMUE pada tahun 2022 adalah sebanyak RM 27.5 juta.

Iltizam Anak Selangor

Menyedari kepentingan pengurusan kewangan yang mampan di peringkat isi rumah, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan skim baharu Iltizam Anak Selangor yang akan disertai dengan pembukaan akaun Sijil Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) Prime bagi anak-anak yang baru lahir di negeri Selangor.

Seramai 30 ribu anak-anak yang memohon akan diberikan RM100 setahun untuk tempoh 5 tahun dengan peruntukan sebanyak RM3 juta pada tahun 2022.

Bantuan Anak Yatim COVID-19

Antara golongan yang paling terkesan akibat pandemik COVID-19 adalah anak-anak yang kehilangan ibu atau bapa. Saya telah menziarahi beberapa keluarga di mana kedua-dua ibu dan bapa menjadi mangsa COVID-19 dan anak-anak mereka dalam situasi ketidaktentuan. Kerajaan Negeri amat prihatin dengan golongan anak-anak Selangor ini dan akan memberikan sumbangan kewangan kepada anak yatim berjumlah RM 1.25 juta yang akan memberi manfaat kepada 2,500 anak yatim di seluruh negeri Selangor. Sebanyak RM500 akan diberikan pada anak-anak di negeri Selangor yang telah kehilangan ibu atau ayah akibat COVID-19. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan menyelaraskan dengan agensi seperti Jabatan Kebajikan, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor serta unit-unit lain bagi tujuan seperti pengurusan harta pusaka, penjagaan anak-anak, serta bantuan kesihatan emosi.

Insentif Galakan Pembinaan Rumah Mampu Milik Pasca COVID-19

Sehingga 31 Ogos 2021, sebanyak 49 projek yang melibatkan 84,192 unit Rumah Selangorku Harapan dan Rumah Idaman MBI telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Angka ini telah melebihi sasaran Kerajaan Negeri untuk membina 30,000 unit menjelang tahun 2023.

Insentif ini membenarkan pemaju meminda syarat daripada Rumah Selangorku Jenis A, Jenis B, Jenis C dan Jenis D kepada satu jenis sahaja iaitu Rumah Selangorku Jenis E (Khas) atau dikenali sebagai Rumah Selangorku Harapan dan Rumah Idaman MBI.

Ciri- ciri rumah adalah berkeluasan minimum 1,000 kaki persegi pada harga jualan tidak melebihi RM250 ribu seunit serta dilengkapi dengan kelengkapan asas rumah antaranya penghawa dingin, kabinet televisyen, kabinet dapur, kabinet baju dan pemanas air.

Iltizam Peneroka Bandar

Kerajaan Negeri amat prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh peneroka bandar sejak sekian lama terutamanya kegagalan pemohon untuk mendapatkan pembiayaan. Dalam usaha membantu penyelesaian tersebut, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM 10.77 juta yang bawah Tabung Amanah Rumah Mampu Milik bagi tempoh 4 tahun bermula tahun 2021 sehingga tahun 2024 bagi membuat pembelian unit tersebut sebelum dijadikan Skim S2-OWN.

Insurans Pangsapuri Kos Rendah Negeri Selangor

Skim ini diwujudkan bagi menyelesaikan ketidakmampuan JMB/MC di pangsapuri-pangsapuri kos rendah di Negeri Selangor menginsuranskan bangunan mengikut Seksyen 93 Akta Pengurusan strata 2013 (757). Skim insurans ini dapat membantu Badan Pengurusan pangsapuri menanggung kos kerosakan akibat bencana alam.

Dengan adanya skim Insurans Pangsapuri, pihak Kerajaan Negeri membantu membuat pampasan daripada pihak insurans (Takaful) disebabkan oleh kebakaran, kerosakan akibat ribut/angin kencang, kerosakan akibat daripada limpahan tangki air dan kerosakan lif. Skim ini memberi manfaat kepada 238,403 jumlah unit rumah pangsapuri kos rendah di seluruh Negeri Selangor. Sebanyak RM 1.5 juta akan diperuntukkan bagi pelaksanaan skim ini pada tahun 2022.

Pembangunan Wanita dan Keluarga Wanita Berdaya Selangor

Kerajaan Negeri sentiasa memberikan komitmen yang tinggi bagi menggalakkan penglibatan wanita di dalam pelbagai bidang di negeri ini. Dengan penubuhan sebuah anak syarikat khusus berkaitan wanita iaitu Wanita Berdaya Selangor Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada 6 Januari 2021 di bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

Wanita Berdaya Selangor (WBS) akan menjalankan program dan aktiviti untuk golongan wanita termasuk menggerakkan Pusat Wanita Berdaya (PWB) di seluruh 56 kawasan DUN serta Akademi Kepimpinan Wanita yang telah berjalan selama tiga tahun berturut-turut untuk melatih kepimpinan wanita di peringkat akar umbi. Bagi tujuan ini, RM 5.03 juta diperuntukkan.

Program Pembelajaran Sepanjang Hayat

Wanita Berdaya Selangor juga akan memperkenalkan satu program yang dinamakan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat yang akan memberikan biasiswa kepada wanita yang terpilih untuk menyambung pelajaran di peringkat diploma, sarjana muda dan sarjana dalam pelbagai bidang.

Biasiswa ini dilaksanakan dengan kerjasama Open University Malaysia (OUM) khusus untuk wanita Selangor yang terpilih yang berada di pelbagai peringkat kepimpinan dan lapangan. Sebanyak RM 200 ribu setahun peruntukan disediakan untuk program biasiswa ini.

Menangani Kes Keganasan Domestik

Antara impak ketara yang dapat kita lihat akibat daripada pandemik di negara kita ini ialah kes berkaitan keganasan domestik yang terus meningkat khususnya di negeri Selangor. Statistik menunjukkan peningkatan kes keganasan domestik dalam negara ini telah meningkat sebanyak 8% pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 khususnya selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Justeru, di bawah Pakej Rangsangan Selangor 2.0 Kerajaan Negeri telah mewujudkan Talian Hotline khas Keganasan Domestik Talian iaitu SELamat.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Bagi menambahbaik lagi inisiatif ini, untuk tahun 2022 selain daripada meneruskan talian Hotline ini, Kerajaan Negeri juga akan memperuntukkan sejumlah RM 200 ribu bagi tujuan melakukan kerjasama dan juga membantu Pusat-Pusat Perlindungan Wanita yang melindungi golongan wanita yang terlibat dengan kes keganasan domestik.

Itizim Anak Istimewa Selangor (ANIS)

Sejak ditubuhkan pada tahun 2018, Jabatan Anak Istimewa Selangor (ANIS) di bawah Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) telah membantu anak istimewa dengan pelbagai program dan inisiatif. Antaranya seperti menyediakan bantuan subsidi yuran pusat terapi dan juga bantuan kewangan bagi pembelian barangan dan peralatan khas melalui Bantuan Khas ANIS.

Selain itu, Akademi ANIS akan ditubuhkan untuk membangun kapasiti warga pendidik ANIS. Kerajaan Negeri juga memberikan bantuan kewangan kepada Pusat *Early Intervention Programme (EIP)* dan juga Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) melalui program Didik ANIS. Bagi ketiga-tiga inisiatif, RM 3 juta diperuntukkan.

Pusat Sokongan Pendidikan Awal ANIS atau PUSAT ANIS pula telah mula beroperasi pada Ogos 2021 yang lalu dengan program intervensi untuk kanak-kanak berumur 2 hingga 5 tahun, program saringan diagnosis, program sokongan kepada ibu bapa dan juga telah menjadi pusat sehati bagi memberikan perkhidmatan kepada OKU. Pada tahun 2022, Pusat ANIS akan mengembangkan lagi modul baru iaitu modul persediaan ke sekolah yang akan melengkapkan lagi ekosistem intervensi untuk anak istimewa ini sebelum masuk ke alam persekolahan.

Pada tahun ini, satu Pusat Kehidupan Berdikari (Independent Living Centre - ILC) yang akan memberikan latihan pekerjaan dan pemberdayaan kepada kumpulan OKU sasar akan diwujudkan. Pusat ini akan memfokuskan Latihan Vokasional kepada OKU berumur 18 tahun ke atas untuk membolehkan mereka berdikari dan bekerja serta dapat hidup bersama dalam masyarakat tanpa merasa terasing. Pusat ini juga akan membantu mereka untuk mendapatkan peluang pekerjaan selayaknya di dalam industri. Justeru, peruntukan sebanyak RM 1 juta akan disalurkan untuk mewujudkan pusat ini.

Inisiatif baru lain yang akan diwujudkan ialah Program Khas Pemeriksaan Kesihatan khusus untuk golongan ibu bapa anak OKU ini. Inisiatif ini bertujuan untuk menjaga

kebajikan ibu bapa ANIS (yang mempunyai kad OKU) dalam aspek kesihatan supaya dapat terus memberikan penjagaan yang sebaiknya kepada anak mereka.

Agenda Kerajaan Prihatin

Pada tahun 2022, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin dalam segenap aspek, sejumlah RM 65.25 juta diperuntukkan bagi mempertingkatkan usaha untuk menjaga keperluan dan kebajikan rakyatnya sebaik mungkin melalui pelaksanaan program-program kebajikan Negeri Selangor.

Program Bina Baru dan Baikpulih Rumah Kerajaan Prihatin

Kerajaan Negeri Selangor membantu rakyat B40 dan yang kurang berkemampuan dalam memiliki kediaman yang selesa dan selamat untuk didiami, meningkatkan taraf pendidikan masyarakat serta melaksanakan program-program berbentuk kursus jangka pendek dan sederhana bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan terkini.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM 1.2 juta bagi tahun 2022 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM 2 juta di bawah Program Bina Baru dan Baikpulih Rumah Kerajaan Prihatin. Pertambahan peruntukan ini dapat membantu memulihkan sosioekonomi di kalangan penerima dan meningkatkan jumlah penerima manfaat.

Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri

Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor sebanyak RM 2 juta akan diperuntukkan bagi melaksanakan program ini dengan nilai manfaat iaitu sebanyak RM 10 ribu bagi setiap permohonan.

Dana Bantuan Guaman Selangor

Kerajaan Negeri bakal mewujudkan satu inisiatif dalam membantu golongan kurang berkemampuan yang ditindas dan teraniaya untuk mendapatkan bantuan guaman, agar keadilan dapat terbela melalui Dana Bantuan Guaman Selangor. Antara isu- isu yang ingin dibantu dari aspek guaman adalah berkaitan keganasan domestik dan kehilangan

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

pekerjaan kepada rakyat Selangor yang terdiri dalam kategori B40 yang kurang berkemampuan. RM 1 juta akan diperuntukkan bagi pelaksanaan Dana Bantuan Guaman Negeri Selangor ini yang akan melibatkan kerjasama daripada Selangor Bar Council dan Selangor Legal Aid Centre.

Pembangunan Orang Asli

Kerajaan Negeri berperanan dalam memastikan masyarakat Orang Asal lebih berdaya saing dalam arus globalisasi yang kian mencabar kini. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan menyantuni Orang Asal dengan memperuntukkan sejumlah RM 1.5 juta bagi memberi tumpuan kepada membina, membaikpulih dan menaiktaraf kedaifan kediaman di dalam perkampungan Orang Asal. Kemudahan-kemudahan infrastruktur sedia ada juga akan dinaiktaraf sekaligus menaikkan sosioekonomi dan mengekalkan budaya masyarakat Orang Asal yang telah sekian lama diamalkan.

Pembangunan Generasi Muda dan Sukan

Kerajaan Negeri amat komited dalam Pembangunan Generasi Muda dan Sukan Negeri Selangor. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM 14.49 juta pada tahun 2022 bagi memastikan agenda pembangunan generasi muda dan sukan.

Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan menambahbaik Dasar Belia Selangor 2014 dengan membentuk Dasar Belia Selangor 2020 yang akan menjadi panduan dan hala tuju pembangunan generasi muda bagi tempoh 10 tahun akan datang selain berfungsi sebagai penimbang tara kepada status program pembangunan generasi muda semasa.

Penggerak Belia Selangor (PeBS)

Sebanyak RM 2.8 juta telah diperuntukkan bagi program dan aktiviti Penggerak Belia Selangor (PeBS) dalam usaha untuk memartabatkan PeBS yang merupakan ejen penggerak pembangunan generasi muda di Negeri Selangor serta bertindak sebagai jentera pelaksana Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan generasi muda di peringkat akar umbi.

E-Sukan

Selangor sentiasa menjadi peneraju perkembangan e-sukan di negara. Beberapa acara e-sukan peringkat serantau dan antarabangsa pernah dianjurkan sebelum ini. Bagaimanapun dengan perkembangan semasa, fokus akan diberikan kepada program pembangunan e-sukan dan penganjuran jelajah ke daerah-daerah di negeri Selangor. Untuk maksud tersebut sebanyak RM 1.2 juta diperuntukkan.

Roda Darul Ehsan (RiDE)

Sejak dilancarkan pada tahun 2020, inisiatif RiDE ini telah menerima permohonan yang memberangsangkan terutama daripada belia yang terlibat dengan industri penghantar makanan atau dikenali sebagai *p-hailing*. Sehingga kini, jumlah permohonan yang diterima oleh Majlis Sukan Negeri Selangor adalah seramai 8,143 pemohon. Daripada jumlah 3,227 telah menerima manfaat daripada inisiatif ini. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk meneruskan inisiatif RiDE ini pada tahun 2020 dengan peruntukan sebanyak RM2 juta.

Pembinaan dan Baik Pulih Infrastruktur Sukan

Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan bagi Projek Membaikpulih dan Membina Baru Infrastruktur Sukan daripada RM2.196 juta pada tahun 2021 kepada RM4 juta pada tahun 2022. Peruntukan ini adalah bagi tujuan membaikpulih infrastruktur sukan yang mengalami kerosakan dan membina baru infrastruktur sukan yang terdapat di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri dengan had nilai anggaran kos sehingga RM 100 ribu.

Liga Akar Umbi

Kerajaan Negeri mengambil maklum dengan kerancangan perkembangan liga-liga amatur di peringkat daerah di seluruh Selangor. Bagi menyemarakkan lagi aktiviti kesukan khususnya di kalangan belia serta selaras dengan hasrat untuk membangunkan sukan di peringkat akar umbi, Kerajaan Negeri telah bersetuju memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi pelaksanaan Liga Akar Umbi.

Pendidikan

Iltizam Mahasiswa Selangor

Kerajaan Negeri akan memperkenalkan program Iltizam Mahasiswa Selangor yang akan memberi bantuan RM1 ribu kepada mahasiswa baru dari keluarga berpendapatan rendah. Untuk maksud tersebut, sejumlah RM3 juta akan diperuntukkan.

Skim Pinjaman Teknologi Asas Selangor (SEPINTAS)

Keperluan terhadap komputer riba dan tablet semakin tinggi disebabkan oleh kaedah pembelajaran yang berubah sejak pandemik melanda. Melihat akan keperluan itu, SmartSel dengan kerjasama Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah bekerjasama untuk mendapatkan peranti digital terpakai yang sesuai daripada pihak swasta dan kerajaan untuk dipinjamkan kepada mereka yang memerlukan terutamanya murid sekolah dan mahasiswa. Untuk maksud ini sebanyak RM 1 juta diperuntukkan bagi program SEPINTAS ini.

Program Tuisyen Rakyat (PTRS)

Program Tuisyen Rakyat akan diteruskan dengan pemantapan pengisian portal pembelajaran ePTRS.my dan pengukuhan kemahiran guru. Konsep program secara hibrid akan diteruskan selari dengan situasi pandemik di mana penutupan dan pembukaan sekolah tidak menentu. Sekiranya program ini boleh dilaksanakan secara bersemuka, pek bantuan makanan tengah hari akan diberikan kepada para pelajar yang terlibat. Anggaran perbelanjaan untuk tahun 2022 adalah sebanyak RM 7 juta.

Iltizam Pendidikan Fardhu Ain (KAFAI)

Kerajaan Negeri menggalakkan penglibatan oleh komuniti setempat seperti persatuan penduduk, masjid, surau dan agensi kerajaan dalam menyediakan fasiliti Pendidikan agama, Kelas Al- Quran dan Fardhu Ain Integrasi (KAFAI) bagi menampung permintaan masyarakat dalam menyediakan Pendidikan Agama Islam di peringkat rendah (7-12 tahun).

Menyedari akan kepentingan institusi Pendidikan KAFAI di negeri Selangor, buat julung kalinya, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM5 juta secara *one-off* untuk meringankan beban ibu bapa dengan pemberian subsidi yuran KAFAI berjumlah RM30

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

sebulan. Ini akan memberi manfaat kepada 14 ribu orang murid B40 di 296 institusi KAFAI seluruh Selangor.

Pemeriksaan Institusi Pengajian Tinggi Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri komited untuk memastikan kemajuan IPT di bawah Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Universiti Selangor (UNISEL), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC).

Pemeriksaan IPT akan merangkumi aspek pentadbiran, pembangunan keupayaan dan daya saing tenaga pengajar dan juga pentadbir, meningkatkan kerjasama industri, kemudahan pengajaran dan pembangunan mahasiswa. Sebanyak RM5 juta diperuntukkan bagi pemeriksaan IPT Selangor pada tahun 2022.

Kerajaan Negeri juga akan memperuntukkan sebanyak RM3 juta buat UNISEL dalam menyediakan data internet bagi kegunaan para mahasiswa dalam menghadapi dunia pembelajaran hibrid saat ini.

Perpaduan, Penghayatan Agama dan Nilai Budaya Majlis Perpaduan dan Integrasi Selangor (MPIS)

Pada Jun 2021, Majlis Perpaduan dan Integrasi Selangor (MPIS) telah ditubuhkan bagi menjadi badan penasihat khusus berkaitan isu-isu perpaduan untuk negeri Selangor dan juga pemantau khusus pelaksanaan Dasar Perpaduan dan Pelan Tindakan Negeri Selangor.

MPIS juga akan menjalankan program-program advokasi, kempen dan juga akan menjalankan kerjasama bersama agensi- agensi kerajaan dan juga NGO dalam usaha untuk menerapkan agenda perpaduan di negeri Selangor. Untuk maksud itu jumlah RM400 ribu akan diperuntukkan.

Kursi Siddiq Fadzil UNISEL

Tahun ini kita kehilangan seorang tokoh yang sangat berkarisma dan berpengaruh di dunia akademik dan kebudayaan Melayu. Almarhum Dato' Dr. Siddiq Fadzil, adalah seorang cendekiawan Melayu Muslim yang tersohor dalam mempopularkan kerangka maqasid dan Fiqh Malaysia. Justeru, Kerajaan Negeri berbesar hati menubuhkan Kursi

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Siddiq Fadzil di UNISEL bagi menggalakkan wacana keharmonian serta kesederhanaan. Untuk maksud ini sebanyak RM 1 juta diperuntukkan.

Menyempurnakan Pembinaan Masjid

Bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri akan menyempurnakan pembinaan tiga buah masjid iaitu Masjid Kota Damansara 2 (Seksyen 9) di Daerah Petaling, Masjid Al-Ehsan Kampung Tok Muda di Daerah Klang dan Masjid Kampung Sungai Serai 13 di Daerah Hulu Langat.

Pembinaan Sekolah Rendah Agama

Bagi menampung permintaan terhadap pendidikan Islam dan juga menjamin keselesaan pelajar, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM3 juta untuk menaiktaraf dan membina baru sekolah pendidikan Islam di negeri Selangor.

Sebanyak empat buah sekolah baru akan dibina iaitu Sekolah Rendah Agama Kota Kemuning, Sekolah Rendah Agama Bandar Saujana Putra, Sekolah Rendah Agama Bandar Teknologi Kajang dan Sekolah Rendah Agama Bukit Sentosa Fasa 1 di Hulu Selangor.

Manakala dua buah sekolah akan dinaik taraf iaitu Sekolah Rendah Agama Integrasi Seksyen 19 dan Sekolah Rendah Agama Seksyen 7 Shah Alam.

Iltizam Terjemahan Karya Agung Islam

Karya-karya agung di dalam tamadun Islam adalah sumur yang tidak pernah kering dalam memberikan pedoman dan inspirasi kepada umat Islam sejagat. Salah satu karya terbesar yang menjadi rujukan sepanjang zaman oleh umat Islam di Malaysia adalah kitab Ihya' 'Ulumuddin oleh Imam Al-Ghazali rahimahullah. Namun kitab sepanjang 40 jilid tersebut belum pernah diterjemahkan dengan baik dan lengkap ke dalam bahasa Melayu. Iltizam Terjemahan Karya Agung Islam akan dimulakan dengan karya Ihya' 'Ulumuddin dengan geran permulaan sebanyak RM 1 juta dan dijangkakan akan berjalan selama tiga tahun.

Program Budaya dan Seni

Kerajaan Negeri telah melaksanakan program Kita Buskers Selangor dan Senandung Da'i yang telah memberi manfaat kepada lebih 1,000 orang penggiat seni jalanan dan nasyid. Golongan penggiat seni sememangnya adalah golongan yang paling terkesan akibat penularan pandemik COVID-19 ini.

Justeru, pada tahun 2022 Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperluaskan aktiviti-aktiviti di bawah Program Rentak Selangor yang telah begitu sinonim kepada negeri Selangor seperti menerapkan perkembangan kebudayaan tradisi lisan seperti syair, pantun, gurindam dan puisi termasuk qasidah dan berzanji.

Kerajaan Negeri Selangor mensasarkan untuk mempelbagaikan aktiviti program kebudayaan pada tahun 2022 dengan objektif utama memberi manfaat secara langsung dan tidak langsung seperti kerjasama dan promosi kepada golongan seni dan kebudayaan dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM1.2 juta.

Shah Alam Modern & Contemporary Arts (SAMA)

Pada tahun 2019, saya telah mencadangkan untuk mewujudkan sebuah galeri seni yang moden di negeri Selangor yang mempamerkan karya-karya seni dan menjadi pusat aktiviti kebudayaan dan kesenian. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membeli sebuah kompleks bangunan milik Bank Negara di tengah bandaraya Shah Alam yang berharga RM33.4 juta untuk dijadikan SAMA dan menjadi mercu tanda kebudayaan baru di Selangor pada tahun 2022.

TERAS KETIGA: MENGUKUHKAN AGENDA

KESIHATAN AWAM SELANGOR

Tuan Speaker,

Pandemik baru-baru ini telah meninggalkan kesan mendalam kepada kehidupan manusia. Kesan mendalam yang dirasakan apabila keseluruhan ekosistem kesihatan awam terjejas kerana kita tidak bersedia untuk menghadapi gelombang pandemik yang melanda.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Menurut laporan jurnal perubatan The Lancet yang diterbitkan pada 1 Jun 2021, hasil rumusan analisis terhadap 19,789 kes COVID-19 yang dicatatkan di Ireland dan England, sekitar 40-45% kematian adalah mereka yang komorbid iaitu yang mempunyai penyakit lain seperti penyakit koronari, diabetes dan darah tinggi.

Di Malaysia juga, data yang diumumkan oleh Kementerian Kesihatan pada April 2021 mencatatkan lebih 80% kematian COVID-19 di Malaysia adalah golongan komorbid yang menghadapi penyakit diabetes, darah tinggi dan obesiti. Kesemua data dan laporan ini membuktikan bahawa pengukuhan kesihatan awam adalah kunci kepada menangani pandemik ini dan sebagai persediaan untuk mengharungi gelombang pandemik akan datang.

Pengurusan kesihatan awam yang menyeluruh, berpatutan dan efektif berasaskan teknologi digitalisasi menjadi tunjang kepada kesejahteraan rakyat dan kelangsungan ekonomi negeri Selangor.

Kerajaan Negeri percaya bahawa tahap kesihatan yang baik akan menyumbang kepada peningkatan taraf hidup, produktiviti individu dan ekonomi setempat. Menyedari hakikat bahawa pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang mendalam kepada negeri Selangor, agenda pengurusan kesihatan awam sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan Negeri.

Justeru, pada tahun 2022, Kerajaan Negeri akan meneruskan inisiatif yang telah dilaksanakan pada tahun ini, bagi memastikan aspek penjagaan nyawa dan kelangsungan hidup (*live and livelihood*) ini menjadi teras pembangunan negeri.

Bagi mencapai hasrat ini, peruntukan untuk sektor Kesihatan Awam secara keseluruhan pada tahun 2022 telah ditingkatkan kepada RM 65 juta, di mana pertambahan sebanyak RM8.5 juta berbanding peruntukan pada tahun 2021.

Penubuhan Majlis Kesihatan Awam Negeri Selangor

Bagi menambahbaik pengurusan kesihatan awam negeri Selangor, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Majlis Penasihat Kesihatan Awam Negeri Selangor atau *Selangor Public Health Advisory Council (SelPHAC)*. SelPHAC berperanan sebagai badan

pemikir Kerajaan Negeri bagi mengemukakan dasar, polisi dan program-program Kesihatan Awam yang mampu melengkapinya segala usaha di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia. Hal ini bertujuan untuk memastikan pengurusan dan kesiapsiagaan Kerajaan Negeri sentiasa berada pada tahap yang lebih teratur dan efisien dalam mendepani sebarang penularan wabak penyakit pada masa akan datang.

Iltizam Selangor Sihat

Kerajaan Negeri akan menggantikan Program Skim Insurans Peduli Sihat (SIPS) dan memperbaiki perlindungan kesihatan awam rakyat dengan melaksanakan Iltizam Selangor Sihat dengan peruntukan tahunan berjumlah RM 46 juta yang akan memberi manfaat kepada 90,000 penerima, di mana pertambahan sebanyak 5,000 penerima berbanding 85,000 orang pada tahun 2021. Keutamaan akan diberikan kepada pesakit kronik dan terlantar di mana program ini akan ditambahbaik daripada segi kelayakan dan syarat penerima bagi memastikan semua penerima yang layak akan mendapat manfaat ini.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam akan memperincikan mengenai program ini dalam masa terdekat. RM 1 juta daripada peruntukan tersebut dikhususkan bagi Iltizam Selangor Sihat Penjawat Awam yang akan memberi manfaat kepada semua penjawat awam Gred 44 dan ke bawah.

Skim Rawatan Jantung

Penyakit jantung atau kardiovaskular merupakan penyebab kematian nombor satu di Malaysia dan kos rawatan bagi penyakit jantung juga adalah di antara yang tertinggi di Malaysia. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri akan meneruskan program Skim Rawatan Jantung Negeri Selangor yang menawarkan khidmat rawatan jantung secara percuma kepada golongan yang berkelayakan dengan peruntukan tahunan berjumlah RM 5 juta melalui pembiayaan daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Rawatan Tuberculosis

Masih ramai di kalangan rakyat negeri Selangor tidak menyedari akan bahaya dan ancaman penyakit Tuberculosis atau TBC kepada masyarakat. Oleh yang demikian, bagi meneruskan kesinambungan usaha mengekang penularan penyakit berbahaya ini,

Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 800 ribu untuk Program Insentif Rawatan Tibi tahun 2022. Dianggarkan seramai 1,000 orang pesakit tibi di seluruh negeri Selangor yang berjaya melengkapkan rawatan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pakar perubatan masing-masing akan menerima manfaat ini.

Pengurusan COVID-19

Seperti yang kita sedia maklum, Kerajaan Negeri sentiasa memberi fokus kepada pengurusan COVID-19 di negeri Selangor dalam memastikan aktiviti ekonomi dan sosial dapat berjalan seperti sedia kala. Dalam masa yang sama, kita perlu menerima hakikat bahawa virus ini akan hidup bersama dengan kita dan negara sudah memasuki fasa endemik. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM 500 ribu sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan berlaku penularan wabak dengan menambah dan mempelbagaikan program-program advokasi berkaitan pematuhan SOP serta menambah baik sistem sokongan kepada pesakit yang dijangkiti COVID-19.

Ujian Saringan Kanser (CanSEL)

Umum mengetahui, penyakit kanser telah dicatat sebagai penyebab kematian kedua tertinggi di dunia termasuk di negara kita pada tahun 2018. Ia menyumbang kepada 9.6 juta kematian di dunia dan 16 ribu kematian di Malaysia. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri telah mengorak langkah ke hadapan dengan menyertai *City Cancer Challenge*, seperti mana yang telah diumumkan di dalam Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin Kanser Dunia di Nur-Sultan (Astana), Kazakhstan pada 15 Oktober 2019.

Melalui program ini, kawasan *Greater Petaling* yang merangkumi Majlis Bandaraya Petaling, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan Majlis Bandaraya Shah Alam telah terpilih sebagai bandar kedua di Asia bagi menyertai gerakan bandar-bandar yang sedang membangun di serata dunia untuk berkolaborasi dengan semua pemegang taruh membangunkan sistem pencegahan, pengawalan dan rawatan kanser yang lebih holistik dan berkesan kepada rakyat tempatan. Mengambil aspirasi ini, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM 1 juta di bawah Program Kanser Selangor (CanSEL) yang akan membantu rakyat negeri Selangor membuat saringan bagi ujian Mammogram, Serviks, Kolorektal dan Prostat sehingga ke tahap pengesanan penyakit.

Program Saringan Kesihatan Percuma (Saring Selangor)

Melihat kepada risiko jangkitan penyakit COVID-19 adalah tinggi dalam kalangan mereka yang mempunyai sejarah penyakit atau komorbid, Kerajaan Negeri menyedari bahawa adalah penting bagi rakyat menjalani saringan kesihatan (*medical check up*) secara berkala. Hal ini bagi memastikan sebarang penyakit dapat dikesan di peringkat awal, sekaligus rawatan awal dapat dilaksanakan. Bagi tujuan ini, Program Saring Selangor akan dilaksanakan bermula pada tahun 2022 dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM1.5 juta. Program ini akan dilaksanakan secara menyeluruh di peringkat komuniti dan dijangka memberi manfaat kepada sehingga 5,000 orang.

Slim Selangor

Penyakit obesiti merupakan permasalahan di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Hasil Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 mendapati 50.1 peratus daripada orang dewasa mempunyai, sama ada berlebihan berat badan atau obes di mana 30.4 peratus adalah berlebihan berat badan manakala 19.7 peratus adalah obes. Bagi menerapkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat, Kerajaan Negeri akan mengaktifkan semula Program Slim Selangor pada tahun 2022 dengan peruntukan berjumlah RM300 ribu.

Bantuan Sihat Selangor

Kemudahan bagi mendapatkan bantuan kesihatan juga menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Sehubungan dengan itu, Bantuan Sihat Selangor (BSS) yang diperkenalkan sejak tahun 2009 diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM 5 juta bagi tahun 2022 yang akan memberi manfaat kepada sehingga 4,000 orang penerima berkelayakan. Mulai tahun 2022 juga, BSS akan memperluas bantuan bagi pesakit talasemia, kanser serta penyakit kronik lain serta bantuan bagi belanja pengangkutan dan makanan tambahan (*supplement*) selain mengekalkan bantuan sedia ada seperti dialisis buah pinggang, pembedahan katarak mata, pembedahan kecil mahupun bantuan alatan perubatan. Kerajaan Negeri turut mempertimbang sebarang permohonan yang memerlukan lawatan pegawai perubatan kepada pesakit atau OKU yang terlantar di bawah program BSS ini.

Pencegahan dan Kawalan Denggi

Walaupun sepanjang dua tahun kebelakangan ini pengurusan COVID-19 menjadi keutamaan Selangor, Kerajaan Negeri tidak pernah lupa akan ancaman dan bahaya penyakit demam denggi. Sehingga 30 Oktober 2021, sebanyak 12,933 kumulatif kes demam denggi telah direkodkan di seluruh negeri Selangor dengan dua (2) kes kematian dicatatkan. Walaupun ia menunjukkan pola penurunan berbanding tahun 2020, Kerajaan Negeri akan sentiasa memastikan usaha dalam membendung penularan wabak demam denggi ini tetap diteruskan pada tahun 2022 dengan peruntukan sebanyak RM 5 juta. Untuk tujuan pengawalan dan pencegahan wabak denggi yang lebih berkesan, Kerajaan Negeri akan meneroka teknologi baru seperti kaedah pemantauan lokaliti wabak menggunakan dron dan membangunkan aplikasi pengesanan lokaliti hotspot yang boleh diakses oleh masyarakat awam.

Program Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor (SUKA)

Penularan COVID-19 telah membuka mata Kerajaan Negeri akan kepentingan mewujudkan pasukan sukarelawan kesihatan awam dalam meningkatkan advokasi dan kesedaran masyarakat tentang kepentingan penjagaan kesihatan. Justeru, Program Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor (SUKA) telah ditubuhkan bagi tujuan ini dengan peruntukan bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM 1.5 juta.

SUKA adalah sebuah pasukan sukarelawan kesihatan komuniti yang digerakkan di 56 DUN dan bertanggungjawab untuk melaksanakan program-program berkaitan kesihatan awam dan merupakan 'duta rasmi' Kerajaan Negeri bagi memperkenalkan dan mempromosi semua produk dan juga inisiatif Kerajaan Negeri berkaitan penjagaan kesihatan awam. Diharapkan dengan penubuhan SUKA ini, taraf kesihatan rakyat Selangor dapat ditingkatkan dan dapat memudahkan akses rakyat kepada semua inisiatif Kerajaan Negeri berkaitan kesihatan.

Nutrisi Makanan Kanak-kanak (Anak Selangor Anak Sihat)

Anak-anak merupakan pelapis generasi masa hadapan. Oleh itu, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan kesejahteraan dan kebajikan golongan ini, termasuk berkaitan aspek pengambilan nutrisi yang mencukupi. Hasil kajian oleh *National Health and Morbidity Survey* (NHMS) pada tahun 2016 mendapati 1 daripada 5 kanak-kanak di

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Malaysia di bawah umur 5 tahun mengalami masalah bantut disebabkan pengambilan makanan yang tidak mencukupi dan tidak berkhasiat dalam tempoh yang panjang.

Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri akan meneruskan program bantuan nutrisi makanan kanak-kanak yang dinamakan sebagai Anak Selangor Anak Sihat (ASAS) pada tahun 2022 dengan peruntukan berjumlah RM 1 juta yang akan memberi manfaat kepada sehingga 700 kanak-kanak bagi tempoh 10 bulan.

Pemeriksaan Kesihatan Mata

Fasa pandemik COVID-19 juga telah memaksa anak-anak kita di seluruh negara menjalani pengajian dan kelas akademik mereka secara maya. Terdapat di kalangan anak-anak yang terpaksa berhadapan dengan komputer atau alat peranti masing-masing selama berjam-jam setiap hari demi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam mengikuti kelas mahupun melaksanakan tugas masing-masing secara dalam talian.

Kerajaan Negeri mengambil perhatian serius terhadap tahap kesihatan mata anak-anak ini, yang sememangnya kelas di dalam talian memerlukan mereka memberi fokus di luar kebiasaan berbanding kelas pengajian secara fizikal. Terdapat di kalangan mereka yang mengalami keletihan mata yang melampau, bahkan tidak kurang permohonan kaca mata kepada Pusat Khidmat di DUN semakin meningkat. Justeru, Kerajaan Negeri untuk tahun 2022, akan memperuntukkan sebanyak RM 200 ribu bagi tujuan pemeriksaan kesihatan mata anak-anak di seluruh Selangor.

Cakna Kesihatan Mental (SEhat & SELangkah)

Kerajaan Negeri buat julung kali telah mewujudkan perkhidmatan dalam talian Selangor Mental Sihat dengan mengintegrasikan modul dan fungsi SEHAT ini ke dalam aplikasi SELangkah. Melalui fungsi SEHAT di aplikasi SELangkah ini, para pengguna boleh melakukan ujian saringan awal secara sendiri untuk mengetahui tahap kesihatan mental mereka.

Bagi memastikan kelangsungan inisiatif ini, sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan bagi tujuan meneruskan misi pengurusan kesihatan mental bagi tahun 2022. Selain itu,

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

program kesihatan mental ini turut ditambah baik dengan Kerajaan Negeri turut menyediakan insentif khas bagi pesakit yang memerlukan rawatan lanjut bersama pakar kaunseling klinikal mahupun pakar psikiatri.

Pada Belanjawan lepas, agenda digitalisasi telah diperluas dan diperkembang. Tahun ini, Kerajaan Negeri mengorak langkah setapak ke hadapan dengan pelaksanaan pendigitalan sistem kesihatan dengan melibatkan semua inisiatif-inisiatif kesihatan awam. Ini bermakna, mulai tahun 2022, kesemua perkhidmatan dan inisiatif kesihatan di bawah Kerajaan Negeri boleh diakses secara dalam talian melalui aplikasi SELangkah bagi memastikan pengawalan dan penyelarasan yang lebih sistematik dan efektif. Bagi tujuan ini, sebanyak RM1 juta akan diperuntukkan bagi tahun 2022.

TERAS KEEMPAT: Mewujudkan Persekitaran

Hijau dan Meluaskan Pembangunan Lestari

Tuan Speaker,

Dalam usaha mengukuhkan Selangor sebagai negeri tahan uji, kita harus membuat persediaan awal untuk menghadapi cabaran-cabaran yang mampu timbul pada masa hadapan. Antara perbincangan di arena antarabangsa pasca-COVID-19 adalah aspek perubahan iklim seperti yang dilaporkan oleh *Intergovernmental Panel on Climate Change* pada bulan Ogos 2021.

Laporan tersebut memberi amaran bukan sahaja berkait peningkatan suhu dunia setinggi 1.09°C dari tahun 1900 sehingga kini, tetapi ancaman lain seperti bencana banjir dan peningkatan paras air laut. Selangor harus mengambil kira aspek-aspek ini dalam merangka pembangunan ekonomi masa hadapan secara mampan supaya rakyat dan negeri bersedia untuk adaptasi dengan apa jua kemungkinan.

Justeru, untuk tahun 2022, sejumlah RM190.73 juta diperuntukkan bagi kesemua inisiatif ke arah mewujudkan persekitaran hijau dan meluaskan lagi pembangunan lestari di negeri Selangor.

Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Bekalan Air

Sehingga kini, pihak Air Selangor telah berjaya menurunkan kadar NRW (Air Tidak Berhasil) daripada 33.2 % pada tahun 2017 kepada 28.6% pada tahun ini. Sasaran Air Selangor seterusnya adalah penurunan NRW kepada 25% pada tahun 2025. Bagi merealisasikan sasaran ini, kerja-kerja penggantian paip utama dianggarkan melibatkan sepanjang 6,000 km di seluruh Negeri Selangor termasuk Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Air Selangor juga akan mempertingkatkan perkhidmatannya adalah dengan membangunkan Loji Rawatan Air Labohan Dagang Fasa 2 serta Loji Rawatan Air Sungai Rasau yang dijangka dapat meningkatkan margin bekalan air di Negeri Selangor kepada sekurang-kurangnya 15% menjelang tahun 2030.

Bagi memenuhi keperluan kepada pelaksanaan tindakan- tindakan tersebut, sebanyak RM 100 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri.

Peningkatan Kualiti Air bagi Lembangan Sungai Utama

Projek Peningkatan Kualiti Air bagi Lembangan Sungai Utama Negeri Selangor dilaksanakan dengan bertunjangkan kepada objektif untuk membangunkan kaedah-kaedah kawalan pencemaran secara fizikal di lembangan Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang bagi meningkatkan kualiti air.

Kesan positif daripada usaha ini berkurangnya pencemaran sungai terutamanya di muka sauk dan gangguan bekalan air yang minimum selain daripada peningkatan kualiti air sungai dan bekalan sumber air bersih yang mapan.

Kerajaan Negeri turut menggunakan dasar 'Polluters Pay Principle' (PPP) yang merupakan prinsip dasar alam sekitar yang mensyaratkan kos pencemaran ditanggung oleh pencemar.

Selain itu, pengawalan dari segi aspek kuantiti bagi mengurangkan pelepasan beban pencemaran dari premis yang dilesenkan dengan menguatkuasakan caj pemulangan air yang akan mengambil kira nilai ekonomi bagi mencapai Polisi Pelepasan Sifar

ataupun *Zero Discharge Policy*. Dasar ini bermakna semakin tinggi kuantiti pelepasan maka semakin tinggi caj yang akan dikenakan.

Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik

Selangor berhasrat menjadi negeri peneraju dalam penggunaan kenderaan elektronik (EV). Perkembangan pesat EV bukan hanya berlaku pada kenderaan biasa, malah juga telah diperluaskan dalam kenderaan perdagangan seperti bas, lori, van penghantaran dan lori sampah.

Bagi menggalakkan penggunaan EV dalam mencapai objektif mesra alam, Kerajaan Negeri bercadang menyediakan insentif kepada semua perniagaan dan industri yang telah melabur dalam infrastruktur EV termasuk pengurangan fi lesen perniagaan dan cukai taksiran. Bayaran letak kereta di bawah pentadbiran PBT secara percuma akan diberikan kepada para pengguna EV pada tahun 2022.

Kerajaan juga sedang meneliti kebolehlaksanaan penggantian kenderaan milik agensi Kerajaan Negeri serta anak syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dari kenderaan diesel atau petrol kepada EV secara berperingkat.

Sebanyak 10,000 pengecas EV disasarkan untuk dipasang menjelang tahun 2025, dengan 1,000 pengecas yang pertama dilaksanakan pada tahun 2022 dengan kerjasama pihak swasta yang melibatkan nilai pelaburan RM 10 juta.

Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan kerjasama dan cadangan usahasama daripada pihak-pihak swasta, terutamanya syarikat tempatan di dalam bidang teknologi hijau ini.

Pembangunan Kejiranan Hijau

Kerajaan Negeri menekankan pentingnya penggunaan tenaga yang cekap dan efisien. Pembangunan bercirikan teknologi hijau dan mesra alam semulajadi harus diutamakan di Negeri Selangor ke arah penjimatan tenaga selain memberi keselesaan dan persekitaran yang sihat kepada penghuninya. Rakyat di Selangor juga digalakkan untuk membangunkan kebun komuniti yang boleh mendatangkan hasil untuk kegunaan sendiri atau dijual.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk menubuhkan *Selangor Green Council* bagi menyokong inisiatif pembangunan dan pertumbuhan sektor Teknologi Hijau di negeri ini. Untuk usaha ini, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM 600 ribu bagi tujuan Pemasangan Produk Teknologi Hijau dan Pembangunan Kejiranan Hijau di Negeri Selangor.

Pembangunan Tebatan Banjir

Beberapa lembangan sungai telah dikenalpasti untuk melengkapkan usaha mengatasi ancaman banjir sekaligus mengurangkan kesan terhadap rakyat. Bagi tahun 2022, sebanyak RM9.25 juta diperuntukkan untuk Projek Tebatan Banjir Lembangan Sungai Langat, Lembangan Sungai Klang dan juga Lembangan Sungai Selangor.

Projek-projek tebatan banjir ini perlu dilaksanakan segera terutamanya di Lembangan Sungai Langat. Selain daripada itu, projek-projek ini juga akan dilaksanakan secara sinergi dengan projek-projek yang melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan keberkesanan yang lebih holistik dalam menangani isu banjir di Negeri Selangor.

Pembangunan Sistem Saliran

Bagi tujuan pembangunan sistem saliran yang lebih bersepadu dan komprehensif. Jabatan Pengairan dan Saliran juga telah memperuntukkan sebanyak RM 9.2 juta bertujuan menambahbaik sistem saliran di kawasan yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan projek.

Pembangunan Lembangan Sungai

Bagi menyediakan perkhidmatan kepakaran dalam pengurusan sungai secara bersepadu dalam memastikan lembangan sungai diurus dengan sempurna untuk memastikan pemeliharaan kualiti dan kuantiti sumber air sebanyak RM 15.6 juta telah diperuntukkan.

Pengurusan Saliran Mesra Alam

Manakala bagi tujuan perancangan sistem saliran secara lebih bersepadu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor akan menyediakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) yang melibatkan kawasan Sungai Besar di

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Daerah Sabak Bernam dengan peruntukan RMKe-12 dan peruntukan pada tahun 2022 yang dipohon adalah sebanyak RM 1.5 juta.

Selain itu, JPS Negeri Selangor juga akan melaksanakan projek Kolam Takungan Banjir di Rawang Integrated bagi mengatasi masalah banjir di Sungai Gong, Daerah Gombak dengan kos projek yang bernilai RM 15 juta serta Kolam Takungan Banjir di Kg. Budiman dengan kos projek RM 20 juta.

Pembangunan Pesisir Pantai

Fenomena air pasang besar yang pernah berlaku sebelum ini telah menjejaskan benteng di kawasan pesisiran pantai terutama di kawasan Sabak Bernam dan juga Kuala Selangor. Oleh demikian, Jabatan Pengairan dan Saliran telah memohon sebanyak RM 5.2 juta pada Tahun 2022 bertujuan menaiktaraf benteng pantai di kawasan terjejas.

Program Penanaman Pokok

Kerajaan Negeri menyambut baik pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 juta pokok (2021- 2025) yang telah dirasmikan pada 5 Januari 2021. Untuk mencapai aspirasi tersebut, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM 800 ribu untuk semua Dewan Undangan Negeri bagi tahun 2022 bagi melaksanakan aspirasi tersebut.

Pemulihan Hutan Rosot

Kerajaan Negeri akan menggiatkan usaha memulih kawasan hutan rosot terutamanya di Kuala Langat yang disebabkan oleh kebakaran dan pencerobohan. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor akan memulakan inisiatif ini di tanah seluas 500 hektar di Kuala Langat dengan menanam semula pokok-pokok kayu-kayan di kawasan tersebut. Untuk maksud ini sejumlah RM 10 juta akan diperuntukkan.

Kempen Kesedaran Pengguna

Kerajaan Negeri sentiasa menjadi perintis dalam pelbagai kempen kesedaran termasuk kempen bebas plastik dan polisterina, kempen kutipan minyak masak terpakai dan kempen bebas straw plastik. Bagi menggiatkan lagi kempen ini, sejumlah RM880 ribu diperuntukkan.

Pusat Kitar Semula KDEB Waste

KDEB Waste yang menguruskan sisa pepejal domestik dan pukal telah menubuhkan dua buah pusat kitar semula yang dipanggil sebagai Material Recovery Facility (MRF) di Jalan Korporat, Meru, Klang, dan Bukit Puchong, Subang Jaya.

Kedua-dua pusat MRF ini mampu menguruskan kira-kira 20 tan barang kitar semula sehari dan akan diperluaskan ke setiap daerah di negeri Selangor supaya mengurangkan bahan-bahan dan peralatan yang mempunyai unsur pakai-buang ke arah menurunkan impak negatif pembuangan sampah terhadap alam sekitar.

Pembangunan Pesisir Sungai - Selangor Maritime Gateway

Pembinaan 'log boom' serta pembersihan sisa terapung melalui penggunaan jengkaut dan mesin Interceptor 002 telah berjaya membantu Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengutip secara purata 75,402 metrik tan sampah sejak 2016 hingga Sept 2021 di jajaran Sungai Klang. Bagi mengukur tahap keberkesanan tersebut, pemasangan sensor di empat lokasi berperanan bagi memantau tahap kualiti air Sungai Klang.

Jaringan sungai pada jarak 15km melalui teksi air merupakan usaha Landasan Lumayan Sdn Bhd bersama Tourism Selangor khusus bagi menggalakkan industri pelancongan. Selain dari itu, usaha pemuliharaan Sungai Klang digiatkan lagi ke atas bekas tapak pelupusan Telok Kapas yang merupakan salah satu penyumbang pencemaran di Sungai Klang. Menerusi usaha pemuliharaan semula tapak pelupusan Telok Kapas dan air Sungai Klang, Kerajaan Negeri percaya Sungai Klang berpotensi untuk dijadikan sebagai sumber alternatif air mentah untuk kegunaan rakyat.

Memacu Pemodenan Industri Pertanian, Perdagangan dan Industri Asas Tani

Pelbagai program dan insentif telah dilaksanakan bagi memastikan golongan petani, penternak, nelayan dan pengusaha Industri Asas Tani dapat bertahan mengharungi

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

kemelut pandemik khususnya bagi memastikan setiap usaha dapat menghasilkan pulangan yang setimpal.

Pendekatan Kerajaan Negeri di dalam membantu golongan tersebut adalah dengan meringankan beban mereka khususnya dari segi pemberian insentif berbentuk input-input tanaman, makanan ternakan, bantuan petrol kepada nelayan serta bantuan bahan mentah untuk tujuan produk proses kepada pengusaha industri asas tani.

Program Selangor AgroEhsan

Menyahut seruan Kerajaan Negeri untuk merangsang dan menjana sumber ekonomi baru buat rakyat Selangor, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) memperkenalkan program Agro Ehsan, sebuah inisiatif berkonsepkan ekonomi gig yang membuka peluang perniagaan, pertanian dan pekerjaan khususnya bagi yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Program ini adalah penawaran produk pertanian dan penternakan PKPS seperti ayam dan ikan segar, sayur serta buah- buahan pada harga borong untuk dipasarkan oleh peserta program pada harga pasaran semasa.

Menerusi program ini, peserta Agro Ehsan berpotensi menjana pendapatan antara RM3,000 sehingga RM10,000 sebulan bergantung kepada kaedah jualan dan pemasaran yang akan dibantu oleh PKPS dengan kerjasama agensi kerajaan lain.

Selangor Smart Agropark (SSAP)

Fasa pembangunan bagi projek hab sekuriti makanan berteknologi tinggi Selangor Smart Agro Park (SSAP) di Changkat Menteri, Sabak Bernam akan dimulakan pada suku pertama 2022 selaras dengan pelaksanaan Program Keselamatan Bekalan Makanan yang diumumkan semasa Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Fasa Ketiga.

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) akan turut membangunkan SSAP di Kuala Langat Selatan berkonsepkan *agro-forestry* bagi menyumbang kepada rangkaian

bekalan negeri dalam memastikan sekuriti makanan negeri sentiasa berada pada tahap optimum.

TERAS KELIMA: MENGUKUHKAN TEKNOLOGI

PINTAR DAN DIGITALISASI

Tuan Speaker,

Agenda Smart Selangor dan pelan digitalisasi yang dimulakan awal oleh Kerajaan Negeri menjadikan Selangor cekap dan pantas ketika berhadapan dengan cabaran pandemik baru-baru ini. Kita menjadi negeri paling hadapan dengan melancarkan inisiatif berasaskan digital seperti SELangkah, PLATS dan E-Bazar yang memberikan manfaat langsung kepada rakyat. Inisiatif E-Bazar misalnya berjaya membantu 211,928 usahawan e-dagang mencapai jualan sebanyak RM 100.5 juta serta menjana RM 1.57 bilion kesan riak terhadap ekonomi negeri Selangor.

Kerajaan Negeri telah menggariskan Pelan Tindakan Smart Selangor bagi mencapai sasaran negeri pintar pada tahun 2025. Berdasarkan laporan daripada Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) sebanyak 60 peratus daripada inisiatif-inisiatif yang direncanakan telah dibangunkan.

Kita boleh berbangga sebuah pusat kawalan bersepadu atau Smart Selangor C5i Centre telah siap dan sedang beroperasi sepenuhnya di Dewan Jubli Perak. Smart Selangor Operation Centre ini juga menjadi nadi yang menghubungkan data-data dari Unit Pengurusan Bencana, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi lain. Ke arah merealisasikan visi Selangor sebagai Negeri Pintar Unggul menjelang tahun 2025, sejumlah RM316 juta diperuntukkan bagi tahun ini.

Selangor e-Wallet

Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan sebuah SPV - Syarikat Selangor E-Wallet Sdn Bhd - untuk menjalankan usaha sama dengan sebuah syarikat e-dompet sedia ada

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

yang lengkap dengan lesen e-money, lesen pinjaman wang yang dikeluarkan oleh Bank Negara dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta saiz e-dompot sebanyak RM 10,000.

Sehubungan dengan itu, ke arah mewujudkan komuniti nirtunai, Selangor akan melancarkan perkhidmatan e-dompot pada awal tahun 2022 yang akan dilaksanakan melalui aplikasi SELangkah yang mempunyai 'captive market' selaku Super App.

Super App E-Dompot Selangor ini akan akan mengumpulkan semua perkhidmatan urusan Kerajaan Negeri Selangor, pihak berkuasa tempatan, badan-badan berkanun dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang telah dikawal selia oleh CEPAT(Citizen E-Payment) milik Smart Selangor Delivery Unit (SSDU). Ia juga turut merangkumi perkhidmatan kebajikan yang disalurkan kepada rakyat serta mewujudkan pasaran dalam talian untuk mendigitalisasikan perniagaan PKS dan PKS mikro di Selangor.

Ini akan membolehkan penerima-penerima program Iltizam Selangor Penyayang seperti BINGKAS, Iltizam Selangor Sihat, Skim Mesra Usia Emas yang terdiri dari pelbagai agensi dan GLC berbeza seperti Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) dan Selgate Corporation disalurkan melalui aplikasi tersebut.

Malah, aktiviti-aktiviti seperti pembayaran cukai dan hasil kerajaan tempatan, pembayaran tanpa tunai parkir juga boleh dilaksanakan melalui platform tersebut. Usaha ini akan memudahkan urusan serta menjimatkan masa bagi golongan yang amat memerlukan bantuan Kerajaan Negeri, sekaligus meningkatkan kecekapan perkhidmatan antara kerajaan, rakyat serta industri kecil dan sederhana--semuanya dalam satu dompet digital yang sama.

Aplikasi Go Selangor

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor dengan Kempen 'Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu!' akan memberi tumpuan kepada pendigitalan pelancongan bagi membantu operator Pelancongan Selangor beranjak ke dalam talian.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Dengan kerjasama syarikat startup tempatan Tourplus yang berpangkalan di Selangor dan disokong SIDEC untuk membangunkan aplikasi Go Selangor, ia akan menjadi aplikasi rasmi pelancongan negeri bagi memperkasakan PKS Selangor memasuki era digitalisasi.

Sasaran Fasa 1 adalah untuk membantu 100,000 PKS di Selangor mendigitalkan aplikasi Go Selangor menjelang 2022.

Semua perniagaan akan layak untuk menyertai secara percuma. Pelancong boleh menggunakan Aplikasi Go Selangor untuk menempah hotel, pemindahan lapangan terbang, tiket tarikan, baucar spa, baucar makanan, lawatan sehari dan menyesuaikan lawatan peribadi. Aplikasi Go Selangor akan tersedia kepada orang ramai dijangka seawal Februari 2022.

Selangor Advance

Bagi tahun 2022, Program Selangor Advance akan terus diperkasakan bagi membantu PKS memulihkan aliran tunai mereka dan menjamin kelestarian ekonomi negeri dengan pinjaman dana RM300 juta termasuk peruntukan Kerajaan Negeri, anak-anak syarikat dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk disalurkan ke program Selangor Advance dan dianggarkan jumlah ini dapat membuat kitaran jumlah pembiayaan kepada industri kecil dan sederhana sehingga RM1 billion bagi tahun 2022 ke tahun 2023 serta menyelamatkan 150,000 peluang pekerjaan dan 5,000 PKS daripada mengalami pemberhentian operasi dan penutupan.

Rakan Digital dan Platform Selangor (PLATS)

Program Rakan Digital dan PLATS yang telah dirangka sebelum ini akan diteruskan pada tahun 2022 dan dipergiatkan lagi bagi membantu golongan sasaran yakni pengusaha perusahaan kecil, sederhana dan mikro mengadaptasi digitalisasi dalam perniagaan mereka.

Platform Selangor (PLATS) yang merupakan direktori utama kepada peniaga kecil Selangor atau juga sebagai platform promosi percuma yang disediakan Kerajaan Negeri khususnya buat peniaga kecil menjamin kelangsungan perniagaan di dalam era digitalisasi. Oleh itu, inisiatif Rakan Digital Selangor dan PLATS akan diteruskan bagi

tahun 2022 dengan peruntukan tambahan bagi tahun 2022 sebanyak RM6 juta di hasil sumbangan sepenuhnya daripada Permodalan Negeri Selangor Berhad.

Data Raya Selangor

Untuk meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan Kerajaan, penjanaan dan perkongsian Data Raya secara masa nyata akan diterokai. Ini menjadi antara asas sebuah negeri pintar selaras merealisasikan aspirasi Selangor sebagai Negeri Pintar Unggul di rantauan Asia Tenggara menjelang tahun 2025.

Usaha ini akan membolehkan kerajaan menggubal dasar yang lebih tepat dengan cara yang lebih efisien dan tersusun. Bagi tujuan ini, Data Raya Selangor akan dibangunkan dengan anggaran kos sebanyak RM 2 juta.

Unit Keselamatan Siber Selangor

Bagi memastikan keselamatan data sentiasa terjamin, sebuah unit keselamatan data iaitu Unit Keselamatan Siber Selangor akan diwujudkan melalui kerjasama pakar keselamatan teknologi pada tahun 2022.

Penubuhan ini akan menilai tahap keselamatan dan menetapkan beberapa garis panduan data yang harus dipatuhi oleh agensi-agensi dalam inisiatif digital terutamanya di bawah program Smart Selangor. Bagi tujuan ini, RM 1 juta akan diperuntukkan.

Smart CCTV

Keselamatan awam di seluruh negeri serta analisis pintar akan diteruskan melalui penambahan bilangan Smart CCTV di negeri Selangor yang berpusat di Smart Selangor Operations Centre (SSOC) yang bertempat di Ibu Pejabat SSAAS. Kerajaan Negeri menganggarkan bahawa 2,000 unit CCTV akan dipasang dan beroperasi secara penuh menjelang tahun 2025 selaras dengan matlamat Selangor sebagai Negeri Pintar Unggul Serantau. Sehingga kini, sebanyak 414 unit CCTV telah sedia ada dan sedang beroperasi secara di bawah usaha ini.

Bagi tahun 2022, sebanyak 200 unit lagi akan ditambah menerusi inisiatif Smart Selangor dan kos sebanyak RM5 juta termasuk kos operasi akan diperuntukkan.

Selangor State Data Exchange (SELGDX)

Kajian pembangunan Platform Perkongsian Data Negeri Selangor merujuk kepada prinsip asas dan kerangka operasi Pusat Perkongsian Data Sektor Awam iaitu *Malaysian Government Central Data Exchange (MyGDX)* yang telah dibangunkan oleh MAMPU pada Mei 2018. Ini bertujuan supaya pelaksanaan perkongsian data antara agensi Kerajaan Negeri dan Sektor Awam dapat diperluaskan melalui infrastruktur yang telah diselaraskan secara terurus dan memacu kerajaan ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berhemat. Pembangunan SELGDX mengambil masa dalam tempoh tiga (3) tahun iaitu 2021 hingga 2023 dengan peruntukan sebanyak RM 2 juta bagi pelaksanaan tahun 2022.

SELGDX menawarkan perkhidmatan broker data (*data brokerage*) yang terdiri daripada himpunan piawaian, *tools*, *repository* dan *registry* yang membolehkan perkongsian data merentas agensi di dalam Selangor sekaligus dapat mengurangkan pertindihan pembangunan dan kos penyelenggaraan infrastruktur di agensi dan peranan agensi dalam menjalankan bidang kuasanya dapat diperkukuhkan.

Rancangan Selangor Satu (RS-1)

Tuan Speaker,

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan sangat mendalam kepada rakyat dan industri. Malaysia dan Selangor kini berada di peringkat awal fasa pemulihan COVID-19, dan inilah masanya untuk kita menilai semula struktur dan keadaan semasa serta mengenal pasti strategi dan peluang untuk memperkukuhkan sektor ekonomi dan taraf hidup rakyat demi masa depan yang lebih cerah dan berdaya tahan.

Langkah dan strategi yang kita laksanakan bukan sahaja kritikal untuk Negeri Selangor dan rakyatnya, tapi turut memberi impak kepada masa depan negara. Dalam masa yang sama, ini adalah bertepatan dengan semangat Selangor Bangkit dalam usaha untuk kita meneruskan kecemerlangan negeri.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Dengan latar ini, Kerajaan Negeri sedang membangunkan satu pelan pembangunan lima tahun (2022 hingga 2026) bagi menumpukan usaha untuk mempercepatkan proses pemulihan ekonomi pasca-pandemik dan memacu agenda pembangunan untuk memastikan Selangor terus mengukuhkan kedudukan sebagai pusat pertumbuhan utama ekonomi yang mampan di Malaysia dan rantau Asia.

Pelan pembangunan lima tahun negeri Selangor telah bermula sejak awal tahun 2021, yang melibatkan proses konsultasi dan libat urus pihak berkepentingan di peringkat Negeri, Persekutuan dan juga pihak swasta. Pelan ini juga akan memainkan peranan sebagai dokumen strategik yang akan menyelaras agenda pembangunan Negeri Selangor di semua peringkat termasuk Pejabat Tanah dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan serta di peringkat Persekutuan agar ianya selari dengan dasar-dasar pembangunan negara.

Rancangan Selangor Satu (RS-1) ini akan dilancarkan pada suku pertama tahun 2022. Buat julung-julung kalinya, Negeri Selangor akan mempunyai pelan lima tahun ke hadapan yang akan dibentangkan sebagai dokumen rasmi untuk tatapan rakyat.

Penutup

Tuan Speaker,

Edisi terbaharu majalah Foreign Affairs memuatkan artikel yang berjudul *The New Cold War America, China, and the Echoes of History*. Komentari tersebut ditulis Hal Brands dan John Lewis Gaddis, dua tokoh besar dalam kajian strategik dan sejarah Perang Dingin.

Sudah tentu tiada kepastian jelas sama ada perang dingin baharu ini mirip dengan perang dingin yang terjadi selepas Perang Dunia Kedua. Apa yang pasti Xi Jinping sudahpun meniup semboyan manakala Amerika Syarikat yang dipimpin Joe Biden juga telah menyambutnya.

Saya tidak berhasrat menjadi “*prophet of doom*” atau proklamator masa hadapan gelita buat kita semua. Walaupun badai ketidaktentuan belum berakhir samada kerana

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

COVID-19 mahupun kerana *The New Cold War* di antara China dan Amerika Syarikat, Selangor tidak punya pilihan lain, negeri ini harus memastikan pembangunan terus menerus pesat dalam kerangka pembangunan yang lestari. Kita tidak mampu untuk duduk diam serta ketinggalan dari arus perdana.

Sebagai Menteri Besar, bersama saf Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, berserta dukungan para Ahli Dewan, penjawat awam yang berdedikasi dan jaringan akar umbi, kita bertanggungjawab untuk tangkas membaca, meramal dan berikhtiar melakar masa hadapan yang lebih baik untuk rakyat negeri ini.

Waima demikian, berikhtiar melakar masa hadapan yang lebih baik bukan bermakna kita angkuh menetapkan takdir.

Marilah kita merenungi Al Quran Al Ankabut ayat 39:

Dan (ingatkanlah juga peristiwa kebinasaan) Qarun dan Firaun serta Haman. Dan demi sesungguhnya Nabi Musa telah datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata, lalu mereka berlaku sombong takbur di bumi padahal mereka tidak dapat melepaskan diri (dari azab Allah).

Quran menyebut ketiga-tiga sosok ini, Firaun, Haman dan Qarun. Firaun merasakan dia menguasai kehidupan serta takdir manusia, hidup dan mati mereka. Qarun pula menggunakan kekayaannya untuk menyokong kezaliman Firaun manakala Haman pula sang penasihat atau wizurai, yang menasihati Firaun.

Oleh kerana itu, kita yang ditaklifkan untuk mentadbir serta memimpin negeri ini harus mengambil iktibar dari teguran Al Quran itu. Ketamakan, kezaliman dan ketakburan pemerintahan triarki; Firaun, Haman dan Qarun itu dicela *Allah Subhanahu wa Taala*. Ketiga-tiga mereka menumpukkan kekayaan di kalangan mereka sahaja seumpama apa yang kita kenal sekarang ini sebagai oligarki.

Apabila ketamakan bermaharajalela, mereka tidak sanggup mengagih-agihkan kekayaan itu di kalangan rakyat. Justeru mereka menggunakan cambuk kekerasan agar rakyat Mesir terus tunduk menjadi hamba. Firaun merasakan dialah Tuhan. Namun kita tahu pengakhiran Firaun yang tragis itu. Janganlah pula kita menuruti keangkuhan Firaun, Haman dan Qarun itu.

Saya memanjatkan doa ke hadrat Ilahi semoga saya tidak tergolong sebagai Firaun zaman moden ini. Manakala kita dipinjamkan sedikit kekuasaan oleh Tuhan, adalah bijak dan berhikmah untuk Kerajaan Negeri sentiasa berlapang dada mendengar nasihat yang baik, bukan nasihat buruk seumpama hasutan Qarun serta Haman itu, dan tawaduk merendah diri mendengar rintihan rakyat.

Ahli Dewan Negeri yang dihormati,

Kerajaan Negeri sedar bahawa segenap segmen masyarakat terutamanya anak-anak muda, bukan sahaja di negeri ini, bahkan di seluruh pelusuk negara dan seantero dunia merasa resah, rimas dan kecewa dengan institusi atau dengan izin, “*establishment.*”

Ramai yang beranggapan, kekecewaan dan keresahan ini disebabkan pandemik yang belum berakhir. Manakala pandemik menajamkan kekecewaan tersebut, saya pula menyimpulkan keresahan mutakhir ini bermula lebih awal lagi. Antara manifestasi terawal adalah meletusnya *Occupy Movement* di New York pada bulan September 2011 dan terkini yang terjadi di Hong Kong, Thailand dan Myanmar.

Anak-anak muda meluahkan rasa tidak puas hati mereka terhadap ketidaksamaan, kezaliman dan ketamakan elit politik, feudal dan korporat!

Kita lihat kemudiannya gerakan seumpama Black Lives Matter dan #MeToo merupakan kesinambungan dari cita-cita tersebut. Malaysia juga tidak ketinggalan.

Saya tidaklah cuba menghubungkan beberapa gerakan seperti Undi 18 mahupun kelompok seni seperti Pangrok Sulap atau pejuang alam sekitar dengan Occupy Movement, namun mereka mempunyai cita-cita yang sama iaitu memastikan kesaksamaan, keadilan dan kelestarian alam. Kita harus menyelami, meneliti dan menghormati pandangan anak-anak muda tersebut.

Malahan Kerajaan Negeri juga tidak ketinggalan baru-baru ini dikritik hebat berkenaan Penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat. Walaupun saya mahu menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa aspirasi pelaksanaan pembangunan di situ ada asasnya,

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

namun kita akui dengan penuh keinsafan pendirian rakyat negeri ini terutamanya generasi muda.

Kami, kepimpinan Negeri Selangor juga insan biasa. Kami tidak lekang dari khilaf. Namun niat kami ikhlas untuk memacu pembangunan syumul dan meningkatkan hasil buat negeri dan digunakan demi rakyat negeri ini.

Justeru kita akan berusaha lebih baik untuk merangka pelan merancang ekonomi dan program yang bermanfaat demi rakyat. Pada masa yang sama saya menegaskan sudah tiba waktunya Kerajaan Pusat berbincang dengan Kerajaan Negeri untuk memastikan peruntukan yang lebih buat Selangor berpaksikan dasar kemerdekaan fiskal. Selangor berhak mendapat peruntukan setimpal serta pelan pembangunan yang ditentukan oleh aspirasi rakyat negeri ini menerusi Kerajaan Negeri yang dipilih rakyat.

Saya mahu mengambil kesempatan untuk menegaskan bahawa sementara kekecewaan terhadap institusi memuncak, ini bukanlah bermakna kita wajar mengambil pendekatan yang radikal atau bersifat anarkis.

Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama-sama memperbaiki atau merubah sesuatu yang buruk atau rosak. Kita tidak meruntuhkan. Kita membangunkan, membina semula dan dengan izin, *conserve*, memulihara. Kita berpaksikan cita-cita Hizbul Muhafizin yang bersalasilahkan Edmund Burke dan Roger Scruton. Kita menolak radikalisme *Jacobin* dan *Reign of Terror*. Kita harus memperkukuhkan cita-cita dan menumpukan perhatian untuk memastikan kestabilan, kemakmuran, kebajikan rakyat dan keadilan bersertakan ehsan.

Al Quran menyebut untuk kita melaksanakan keadilan dan juga ehsan:

Innallaha ya'muru bil-'adli wal-ihsan

Ehsan, Hasan, Ahsan dan lain-lain istilah yang berakarkan huruf Ha-Sin-Nun diulang-ulang sebanyak 194 kali dalam Al Quran. Ehsan sendiri diulang-ulang sebanyak 12 kali. Kita dianjurkan untuk melaksanakan keadilan bersama kebaikan, keindahan dan kecemerlangan.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Berasaskan anjuran ini jugalah menjadi satu bentuk *conviction* saya, bahawa *Selangor is morally obliged to help the underserved so no one will be left behind*. Wajib ditekankan pelaksanaan Keadilan sentiasa bergandingan dengan Ehsan.

Setiap keputusan yang kita lakukan sebagai pemimpin haruslah rasional dan berlandaskan data serta fakta yang tepat. Jangan kita terbawa-bawa dengan *trend* dan pendekatan *short term* yang berasaskan *inflammatory political rhetoric* seperti membakar sentimen perkauman. Kerana akhirnya ini akan menjadikan negara yang kita cintai ini lebih parah.

Kita harus sentiasa belajar dari sejarah bukan sahaja di negara ini tetapi di luar. Misalnya kebangkitan *Trumpism* di Amerika Syarikat yang dibina atas paksi emosi menguatkan *far-right* dan mengagungkan *White Supremacy* yang kemudian memecahbelahkan fabrik sosial negara itu.

Ini adalah ujian terbesar bagi pemimpin-pemimpin di negara kita. Adakah kita akan terbawa-bawa dengan kemungkinan '*quick-win*' yang boleh terhasil dengan cara tidak bertanggungjawab ini?

Ataupun kita mempunyai daya tahan dan memilih untuk mempertahankan keadilan, kesederhanaan, kesaksamaan, dan dengan izin, *strike at the heart of the issue*, dan bukannya mengambil kesempatan serta meningkatkan kegelisahan rakyat.

Kita boleh memilih antara *shortcut* ataupun *long haul*. Misalnya seperti *lockdown* sewaktu penularan COVID-19 memuncak, ataupun menguatkan sistem kesihatan awam sekaligus meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kepentingan menjaga diri dan keluarga.

Di sini, rakyat negara ini juga mempunyai tanggungjawab untuk tidak membiarkan minda kita dijajah oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Saya amat yakin kita mempunyai daya tahan pemikiran cecal dan matang untuk memilih pimpinan yang mempunyai kebolehan jangka masa panjang. Bukannya sekadar *soundbites* yang membuat kita teruja untuk seketika waktu sahaja tetapi tidak mengubah dan membaiki sistem kehidupan kita.

Tuan Speaker,

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Pelaksanaan Keadilan tidak boleh terburu-buru, dipenuhi dendam kesumat dan yang paling utama, yang bercita-cita mahu melaksanakan Keadilan tidak boleh sama sekali merasakan seolah-olah dia maksum dari salah serta silap.

Salah satu contoh ikhtiar Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Selangor melaksanakan Keadilan bergandingan Ehsan adalah memastikan falsafah pengagihan kekayaan negeri di kalangan rakyat berasaskan keperluan, *based on needs*, bukannya semata-mata perkauman cauvinis ataupun slogan meritokrasi yang hanya akan memangsakan kelompok B40 dan dengan izin Tuan Speaker, *lower bracket of M40*. Dengan itu, datanglah ribut dan badai, kecelaruan politik, virus dan mutasi terkini, insya-Allah kita akan tetap berjaya menangani cabaran yang ada. Dan kita melakukannya tanpa meninggalkan rakyat dan mengekalkan martabat insani.

Dengan iltizam itu, kita memerlukan kerjasama utuh dari setiap dan semua wakil-wakil Ahli Dewan Negeri supaya keutamaan rakyat diutamakan, bukan dipolitikkan. Bagi tahun hadapan, saya ingin memaklumkan dewan yang mulia ini bahawa kawasan kerajaan dan pembangkang akan diberi peruntukan yang saksama.

Dengan mengambil semangat Kita Selangor ini, peruntukan Ahli-ahli Dewan Negeri pihak pembangkang akan dinaikkan sehingga RM 400,000 bagi tahun 2022 berbanding RM 150,000 pada ketika ini. Manakala itu, pentadbiran ini dimaklumkan bahawa sejumlah RM 400,000 turut akan disalurkan kepada mereka oleh Kerajaan Persekutuan melalui Unit Penyelarasan Persekutuan (ICU JPM).

Ini menjadikan jumlah peruntukan yang diterima Ahli-ahli Dewan Negeri Pembangkang adalah berjumlah RM 800,000 iaitu setara dengan jumlah peruntukan yang diterima oleh Ahli-ahli Dewan Negeri Kerajaan.

Manakala, untuk Ahli-ahli Dewan Negeri bebas yang menyokong Kerajaan Negeri akan menerima peningkatan peruntukan sehingga RM500,000 pada tahun 2022.

Baki peruntukan akan diselaraskan oleh Penyelaras- penyelaras yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Keputusan ini dibuat selari dengan konsep Iltizam Selangor Penyayang di mana rakyat adalah keutamaan tidak mengira pandangan politik dan sesuai dengan peranan Selangor sebagai negeri contoh di Malaysia. Memandangkan Ahli-ahli Parlimen pembangkang di peringkat Persekutuan masing-masing akan menerima peruntukan kawasan dari Kerajaan Persekutuan mulai tahun hadapan, Kerajaan Negeri kini akan menyalurkan RM50,000 tambahan bagi tujuan pengurusan pejabat.

Perubahan dasar ini diharapkan dimanfaatkan sepenuhnya bagi kebaikan rakyat serta memastikan setiap sen dibelanjakan dengan berhemah dan penuh integriti

Tuan Speaker,

Untuk menghargai usaha serta komitmen para penjawat awam yang tidak kenal erti penat lelah bersama-sama memastikan penyampaian perkhidmatan kekal efisien dan berkesan, sukacitanya saya mengumumkan Bantuan Khas Kewangan selama satu setengah bulan untuk tahun ini.

Bantuan Khas Kewangan Pertama setengah bulan gaji dengan minimum RM1,000.00 telah disalurkan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 1442H/ 2021, manakala Bantuan Khas Kewangan kedua iaitu satu bulan gaji dengan minimum RM1,000.00 akan dibayar pada 29hb Disember 2021 dengan implikasi kewangan RM37.5 juta.

*Perah keringat sehingga dini,
Waktu malam bersidang kopi,
Setelah pandemik kita tangani,
Langkah pulih diatur rapi*

*Saat berburu di padang rata,
Dapat haruman berbau wangi,
Selangor tingkat mahsul harta,
Bagi yang rentan tetap disayangi
Dendam Jebat terbakar negeri,
Bijak memanda bawa tenteram,
Racun khianat memakan diri,*

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Pemimpin hikmah mengelak karam

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Bersesuaian dengan Peraturan Tetap 66(2) sesudah dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan Kali Yang Kedua perbahasan hendaklah ditangguhkan tidak kurang daripada satu (1) jam. Oleh itu, perbahasan ini ditangguhkan dan Dewan akan disambung semula pada 29 November 2021, jam 10.00 pagi.

(DEWAN DITANGGUHKAN)

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)